


**Jilid III
Bil. 14**



**Hari Rabu
10hb Ogos, 1977**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1225]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 1254]

Rang Undang-undang Kawalan Timah (Pindaan) [Ruangan 1289]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK SERI J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- .. TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- .. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- .. TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- .. DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- .. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- .. DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- .. TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- .. DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- .. TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- .. TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- .. DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- .. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- .. DATUK SEAH TENG NGIAB, D.P.M.J., S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- .. DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- .. PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- .. DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K., P.N.B.S. (Sabah).
- .. TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- .. PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- .. TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- .. DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- .. DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- .. TUAN WONG KEE NAI (Dilantik).
- .. PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Rabu, 10hb Ogos, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PEMBALAKAN DI KAWASAN
ENDAU-ROMPIN**

1. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada Kerajaan menganggap bahawa usaha-usaha membalak di dalam kawasan Endau-Rompin yang dicadangkan itu di Taman Negara mendatangkan ancaman kepada alam sekeliling oleh kerana kawasan tersebut meliputi 500,000 ekar dan malahan 90,000 ekar daripadanya sedang diusahakan sebagai tujuan membalak pada masa sekarang. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk memberhentikan usaha-usaha membalak di kawasan tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mengambil perhatian berat ke atas aktiviti-aktiviti pembalakan, bagi Taman Negara Endau-Rompin yang dicadangkan itu terutama ancaman kepada alam sekeliling akibat daripada aktiviti-aktiviti pembalakan tersebut.

Kawasan yang terlibat adalah merupakan satu kawasan daripada beberapa kawasan-kawasan hutan tropikal yang mana masih lagi mempunyai bentuk-bentuk semula jadi sekurang-kurangnya 130 juta tahun dan adalah diketahui merupakan hutan tropikal yang ekoloji dan alam sekelilingnya sangatlah sensitif daripada aktiviti-aktiviti di kawasan

tersebut. Ancaman ke atas alam sekeliling akibat daripada aktiviti-aktiviti pembalakan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

- (1) Kerosakan alam sekeliling disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pembalakan dengan menggunakan jentera-jentera berat. Aktiviti-aktiviti tersebut boleh menyebabkan hakisan tanah, permendapan, banjir dan kerosakan kepada tebing-tebing pengaliran air dan juga merosakkan sistem pengaliran sungai di kawasan tersebut. Meskipun pembalakan yang dijalankan jauh daripada penempatan-penempatan yang ada, tetapi akibat dan kesan-kesan akan dialami oleh keseluruhan sistem pengaliran air dan sungai-sungai yang terlibat di kawasan-kawasan tersebut.
- (2) Penyelidikan telah membuktikan aktiviti-aktiviti pembalakan di kawasan tersebut boleh memberi kesan kepada pembangunan pembekalan air yang dirancangan di kawasan Pahang Tenggara, begitu juga boleh mengancam projek sekim pengairan bagi 40,000 ekar kawasan tanaman padi.
- (3) Dari segi ekoloji, hutan tropikal kita yang masih belum diganggu itu mempunyai satu kawasan luas yang terdiri dari berbagai-bagai tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar yang mempunyai nilai-nilai saintifik, oleh itu kita haruslah memperliindung supaya jenarasi-jenarasi akan datang boleh menjalankan kajian-kajian yang bermakna.
- (4) Eksploitasi pembalakan secara sewenang-wenangnya akan membawa kepada perubahan iklim dan ini akan mempersukarkan lagi keadaan alam sekeliling yang sudah terancam itu.
- (5) Satu perkara bagi kawasan ini yang tidak harus kita lupakan juga ialah kawasan ini ramai diduduki oleh penghuni-penghuni kampung dan

orang-orang asli yang mana kehidupan mereka adalah bergantung kepada sistem sungai-sungai yang ada. Sekiranya keadaan sekeliling dengan kejadian tersebut terjejas maka kehidupan mereka juga akan terancam secara langsung atau tidak langsung; dan

- (6) Kita harus mengetahui kawasan Endau-Rompin adalah merupakan kawasan yang diketahui banyak didiami oleh Sumatra-rhinoceros iaitu satu jenis hidupan liar yang sekarang ini mengalami ancaman mungkin akan pupus sekiranya tidak diberi perhatian bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, satu ulasan mengenai perkara ini adalah tersiar dalam *Utusan Malaysia* keluaran hari ini juga di bawah tajuk "Kehidupan Alam Semulajadi terancam" dan dengan hal yang demikian tidak perlu saya menjawab dengan panjang lebar.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Yang Berhormat ialah perkara memberhentikan aktiviti-aktiviti pembalakan di kawasan ini. Perkara ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri yang mana sentiasa diberi maklumat-maklumat yang secukupnya. Oleh itu, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri tersebut untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri menganggapkan usaha-usaha membalak di dalam kawasan Endau-Rompin khususnya di kawasan terasnya adalah satu operasi tidak patut diadakan dan oleh kerana Kementerian Yang Berhormat menentang operasi membalak itu dan menganggapkan masalah itu secara serius dan akan menimbulkan akibat-akibat buruk ke atas alam sekitar dan kehidupan semula jadi dan sebagainya, saya ingin bertanya:

- (i) Tidak bolehkah Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar merekomenkan kepada Kabinet perkara ini dengan sedaya-upaya mengambil tindakan untuk memberhentikan dengan segera usaha-usaha membalak ini yang telah disiarkan di dalam suratkhbar sebagai "The rape of Endau-Rompin";
- (ii) Samada Yang Berhormat Menteri atau Kabinet akan mengambil tindakan segera untuk mewartakan dalam *Warta*

Kerajaan kawasan Endau-Rompin yang terlibat itu sebagai Taman Negara yang dicadangkan oleh Kerajaan Pusat dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang sehingga sekarang belum diwartakan lagi.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat, pertama berkenaan dengan perkara ini dibawa ke Kabinet, perkara ini akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk ditimbang dan dikemukakan kepada Majlis Perhutanan Negara pada mesyuarat yang akan datang.

Kedua, berkenaan dengan tindakan yang patut diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini, seperti kata saya tadi perkara ini bergantung kepada Kerajaan Negeri. Jadi, kedua-dua belah pihak mesti bersetuju untuk membawa satu Rang Undang-undang kepada Parlimen baru perkara ini boleh diwartakan dalam *gazette* untuk dikawal menjadi satu Taman Negara.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa sikap Kerajaan Pusat tidaklah berapa bersetuju kawasan ini dimusnahkan. Tetapi saya ingin tahu bahawa tidakkah dengan membawa hal ini dalam Kabinet berupa Kerajaan Pusat mencampurtangan urusan kuatkuasa Kerajaan Negeri, padahal Negeri Pahang telah memberitahu bahawa kawasan 90,000 ekar ini akan terus dibalak dengan syarat-syarat yang tidak merosakkan kehendak alam sekitar ini.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini sebelum tempat ini dicadangkan menjadi satu Taman Negara, persetujuan telah dicapai antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dan sebab itulah ada dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

AIR UNTUK TANAMAN PADI

2. Datuk Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Pertanian menyatakan adakah apa-apa rancangan jangka panjang atau jangka pendek Kementerian ini untuk mengatasi masalah kekurangan air bagi pesawah-pesawah di tanah air kita oleh kerana di

masa yang akhir-akhir ini hutan-hutan telah banyak dibuka, maka kawasan takungan air (catchment area) telah berkurangan.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian adalah sentiasa memberi perhatian rapi terhadap masalah-masalah kekurangan bekalan air untuk tanaman padi. Oleh itu, pengajian sumber-sumber air seperti dari sumber bahawa tanah sedang dijalankan oleh Kementerian ini dengan tujuan mencari punca-punca air tambahan untuk mengekalkan serta mengukuhkan usaha-usaha pengairan bagi menjayakan tanaman padi. Satu lagi langkah yang sedang diambil untuk menghadapi masalah-masalah kekurangan air ialah untuk mengadakan kemudahan-kemudahan pengairan tambahan supaya dapat menjimatkan air melalui pengurusan air yang lebih sempurna di peringkat ladang.

Tuan M. Mahalingam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kepada kekurangan bekalan air kerap kali berlaku untuk kegunaan pertanian dan juga untuk rumah-rumah, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengatakan jika Kementerian beliau akan menjalankan satu hydrological study yang lengkap untuk menentukan punca-punca air dan dengan hasil kajian ini mencadangkan secara jangka panjang dalam perkara ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soal ini telah pun ada dan inilah pengkajian yang sedang dijalankan oleh Kementerian saya.

Datuk Abdul Aziz Tapa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai perkara air ini saya sangat berterima kasih kepada Kementerian yang berkenaan kerana telah membuat kajian itu. Saya ingin tahu adakah saluran-saliran ataupun tali-taliair yang ada sekarang ini yang dibuat itu betul-betul boleh mendapatkan air yang baik bagi sawah-sawah.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar telah mendapat air yang baik tetapi ini bergantung dengan keadaan musim hujan juga sebab air yang kebanyakan datang daripada hujan, apabila kemarau panjang sebagaimana yang telah berlaku baru-baru ini, kemarau yang luar biasa, ini memang kadang-kadang menjadi masalah besar se-

hinggakan tempat punca bekalan air itu sendiri telah berkurangan. Ini menjadi masalah yang besar yang dihadapi oleh petani-petani.

GANDA WANG ANDA—RTM

3. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Penerangan menyatakan iaitu, siri GANDA WANG ANDA yang diterbitkan oleh RTM pada tiap-tiap malam Rabu adalah salah satu siri yang mendapat sambutan lebih-lebih lagi boleh menambahkan pengalaman atau pengetahuan kepada murid-murid sekolah, tidakkah siri ini boleh dilakukan rakamannya di tempat yang asing dari Kuala Lumpur, seperti dirakamkan di Pulau Pinang atau Kuala Trengganu atau Johor Bharu dan sebagainya untuk memberikan peluang kepada mereka yang berminat dalam siri ini dan siarannya atau penerbitannya boleh dibuat dari Angkasapuri Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siri rancangan Ganda Wang Anda ini mengandungi 26 siri dan akan tamat tidak lama lagi serta akan diganti dengan siri baru iaitu Rancangan Menduga Akal.

Untuk menjelaskan soalan Ahli Yang Berhormat ini bahawa oleh kerana rancangan ini bersiri-siri memanglah menjadi kesulitan dari segi perbelanjaan, pegawai-pegawai dan kakitangan bahkan juga dari segi teknikal untuk merakam rancangan bersiri seperti ini di luar dari auditorium atau di studio kita di Angkasapuri Kuala Lumpur ini.

PENDAFTARAN PENGHUNI— PENGHUNI

4. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuat dan melaksanakan undang-undang Pendaftaran Penghuni-penghuni (Tenant Registration) bagi tahun langkah-langkah keselamatan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun menguatkuasakan Undang-undang Pendaftaran Penghuni

mengikut Peraturan-peraturan Perlu (Pendaftaran Penghuni) 1971, yang telah diwartakan pada 20hb Oktober, 1971 dan ini masih lagi berkuatkuasa. Pada masa ini hanya kawasan-kawasan tertentu sahaja yang difikirkan mustahak dari segi keselamatan terutama sekali dari segi menjalankan gerakan maka Pendaftaran Penghuni dijalankan. Terdapat 110 kawasan-kawasan yang telah diwarta atau didaftarkan umpamanya di Perak 42 kawasan, di Kedah 14 kawasan, di Pahang 54 kawasan, jadi semuanya 110 kawasan.

Tuan V. V. Aboo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan membuat satu undang-undang di seluruh Malaysia berkenaan dengan Tenant Registration?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah mengatakan bahawa undang-undang ini adalah untuk ke seluruh Malaysia, tetapi perlaksanaannya kita pilih dari satu tempat ke satu tempat mengikut kehendak kita untuk menentang musuh kita yang tidak dikehendaki keseluruhannya.

PEMBANGUNAN EKONOMI DI KEDAH

5. Tuan V. S. M. Vellayappa minta Perdana Menteri menyatakan keutamaan-keutamaan yang diberi kepada Negeri Kedah untuk pembangunan ekonominya.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, keutamaan-keutamaan yang diberikan kepada Negeri Kedah untuk pembangunan ekonomi ialah di dalam bidang pertanian dan pembangunan luar bandar serta bidang perdagangan dan perindustrian. Untuk makluman Yang Berhormat, dari jumlah besar peruntukan perbelanjaan pembangunan negeri Kedah, 36.3% atau \$310.26 juta adalah untuk pembangunan sektor pertanian dan luar bandar, sementara 18.5% atau \$158.39 juta adalah untuk pembangunan sektor perdagangan dan perindustrian.

Untuk pengetahuan lebih lanjut mengenai perkara tersebut, Ahli Yang Berhormat itu boleh mendapatkan butir-butir lengkap dalam Dokumen Rancangan Malaysia Ketiga Perenggan 711 dan juga di Lampiran I dan II.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar bagaimana sungutan setengah rakyat mengatakan bahawa peruntukan keutamaan diberi kepada negeri Kedah itu kebetulannya Timbalan Perdana Menteri itu orang Kedah.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tak ada kena mengena dengan perkara itu, kerana kalau kita tengok dalam senarai peruntukan untuk negeri Kedah jatuh ke nombor sembilan.

PENYELUDUPAN KOMINIS

6. Datuk Haji Ahmad bin Arshad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa tumbangnya atau jatuhnya sesebuah negara ke tangan kominis bukan sahaja dengan pasukan bersenjata atau dengan kekerasan, tetapi adalah dengan cara penyeludupan kominis ke dalam pemerintahan. Adakah beliau akan mengambil berat atas perkara ini seperti yang telah terjadi kepada Datuk Abdullah Ahmad dan Encik Abdullah Majid yang kita tidak sangka-sangka menjadi musuh di dalam selimut. Sudahkah Kerajaan mengambil tindakan ke atas lain-lain anasir sabversif kominis terutama pengikut-pengikut Datuk Abdullah Ahmad, Encik Abdullah Majid dan Samad Ismail.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, benar bukan sahaja Kerajaan akan mengambil bahkan sentiasa mengambil perhatian untuk mengawasi gerakgeri kominis dan tindakan mereka itu. Dan segala tindakan juga kita ambil mengikut undang-undang dan ini sentiasa terus berjalan bukan sahaja begitu setiap ketika kita mengkaji dan meningkatkan lagi cara-cara kita menghadapi problem ini.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, selepas tangkapan Samad Ismail dan kedua-dua Abdullah ini, sungguhpun mereka ketiga-tiga itu telah mengaku yang mereka telah campur tangan dengan kominis dalam tanahair kita, bagaimanapun sampai sekarang tidak ada apa-apa keputusan iaitu lebih tangkapan, tidak ada follow-up daripada keterangan yang diberi oleh ketiga-tiga orang itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kalau benda itu tak ada, macam mana hendak diadakan?

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Sekiranya tiga-tiga orang yang sedang ditahan sekarang membuat suatu cadangan kepada Kerajaan yang berbunyi bahawa Parti Komunis Malaya yang ganas sekarang sedia meletakkan senjata menyerah diri, tetapi dengan syarat, Kerajaan hendaklah menghalalkan Parti Komunis bergerak sebagai parti siasah dalam negeri ini, adakah dapat Kementerian ini menimbangakan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal Kementerian, ini soal nasional, soal negara yang kita sudah menentukan di dalam Rukunegara kita bahawa negara kita berdasarkan kepada ketuhanan, kepada Raja dan Kerajaan dan di mana juga bukan kominis yang ada mengatakan daripada Marx-Nabinya yang mengatakan dia boleh meletakkan senjata. Bukan Samad Ismail menentukan untung nasib kominis tetapi Marx yang sudah menentukan bahawa perjuangan kominis mesti menggunakan senjata. Jadi jaminan yang diberi oleh orang yang begini, saya rasa, ini kalau kita terima, kita hanya menerima jaminan sebagai satu cara atau jalan untuk menyenangkan mereka menjalankan pekerjaannya.

LEMBAGA PERPADUAN NEGARA— FUNGSI

7. Datuk V. Ponnusamy Pillai (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkara penting yang telah dijalankan oleh Lembaga Perpaduan Negara dalam tempoh satu tahun setengah yang kebelakangan ini. Adakah perlu dilanjutkan khidmat ini atau disimpan rangka sekiranya mustahak di masa hadapan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh setahun setengah yang lalu, Lembaga Perpaduan Negara telah meneruskan usaha dan khidmatnya untuk mengeratkan muhibbah dan perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang keturunan di negara ini dengan secara senyap atau tidak ketara. Ini dilakukan

melalui 3 bidang iaitu Rancangan Perhubungan Masyarakat, Rancangan Pendidikan dan penyelidikan.

Melalui Rancangan Perhubungan Masyarakat, Lembaga Perpaduan Negara telah berjaya menubuhkan 22 buah Majlis Perhubungan Masyarakat dari 8 buah sahaja yang ada pada awal tahun 1976. Ini melibatkan sebanyak 107 Jawatankuasa-jawatankuasa Perhubungan Masyarakat yang mengandungi seramai 1,605 anggota sukarela yang berkhidmat kepada masyarakat dan Kerajaan demi mempereratkan Perpaduan Negara sambil mendekatkan rakyat dengan Kerajaan.

Melalui Rancangan Pendidikan, seramai 69,000 pelajar sedang mengikuti Kelas Perpaduan Rakyat untuk mempelajari Bahasa Malaysia, Sivik dan Kewarganegaraan. Pada awal tahun 1976 bilangan pelajar ialah 63,000 sahaja. Seramai 1,380 kanak-kanak miskin di bandar-bandar sedang mengikuti kelas-kelas Taman Didikan Kanak-kanak. Seramai 694 orang lagi sedang mengikuti berbagai jenis kelas vokesyenal dan ramai bilangan yang tidak dapat dikira mengambil bahagian di dalam Sukan-sukan Perpaduan dan Rancangan Permainan Rakyat yang kesemuanya diaturkan untuk melahirkan semangat perpaduan dan muhibbah antara rakyat yang berbilang keturunan di negara ini.

Melalui penyelidikan, Lembaga Perpaduan Negara menjalankan penyelidikan yang berbentuk ethno-sosial dalam kajian-kajian yang dibuat dengan memberi perhatian khusus kepada perhubungan kaum dan masaalah "socio-cultural". Kesan-kesan dari penyelidikan ini telah membolehkan Lembaga mengesan kawasan-kawasan di mana konflik perkauman mungkin timbul atau berlaku dan hasil penyelidikan itu bersama-sama dengan laporan dan syor-syor telah dikemukakan kepada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan bagi perhatian mereka.

Lembaga Perpaduan Negara juga menjalankan Majlis Dailog untuk mewujudkan suasana ramah mesra dan muhibbah di kalangan berbagai "interest groups" dan "pressure groups". Majlis-majlis Dailog ini juga menjadi satu sumber maklumanbalas (feedback) untuk Kerajaan yang berterusan dan berpanjangan mengenai rancangan-Kerajaan.

Selain daripada itu, dalam lapan belas bulan yang lalu Lembaga Perpaduan Negara telah juga mengeluarkan beberapa penerbitan seperti buku, jernal, akhbar mengenai negara dan adat resam masyarakat berbilang keturunan di Malaysia. Semua penerbitan ini yang diedarkan kepada rakyat yang berkenaan adalah dengan tujuan yang sama iaitu untuk melahirkan semangat muhibbah dan untuk memperkuatkan lagi dan mengekalkan perpaduan antara satu sama lain dalam semua lapisan masyarakat di negara ini.

Daripada keterangan yang saya sebutkan tadi, maka Kerajaan berpendapat bahawa tugas-tugas dan khidmat yang telah dan sedang dijalankan oleh Lembaga Perpaduan Negara adalah sangat perlu diteruskan bagi membolehkan Lembaga tersebut menjalankan tugas-tugas perpaduan negara dalam konteks Rukunegara.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan lebih kurang 60,000 pelajar telah mengikuti kelas perpaduan rakyat. Saya hendak bertanya, adakah benar bahawa kelas ini ada di antaranya telah diresapi oleh anasir subersif atau anasir kominis?

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang kita ketahui belum ada sebuah kelas pun yang telah diresapi oleh mana-mana anasir anti-nasional atau kominis.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar, menurut ingatan saya seorang Menteri telah membuat ucapan bahawa kelas perpaduan rakyat di Pahang telah diresapi oleh anasir anti-nasional atau anasir kominis.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Kemungkinan anasir anti-nasional atau kominis itu meresapi badan-badan adalah terlalu terbuka bukan sahaja badan-badan atau kelas perpaduan rakyat seperti ini boleh diresapi malahan parti politik juga boleh diresapi. Apa yang menjadi tanggungjawab kita ialah untuk mengawasi sejauhmanakah resapan itu boleh membahayakan kita dan sejauhmana yang dapat kita ketahui dan kalau dapat diketahui seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, kita

tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan bagi menghapuskan segala bentuk anasir anti-nasional dan kominis itu.

Datuk Syed Hassan Aidid: Soalan tambahan. Sebelum Lembaga Perpaduan Negara berjalan dahulu, kita tahu iaitu Jawatankuasa Muhibbah (Goodwill Committee) berjalan dengan lancar, tetapi sekarang kita tak kedengaran sama sekali mengenai Jawatankuasa itu. Adakah Jawatankuasa Muhibbah itu telah dihapuskan dengan adanya Lembaga Perpaduan Negara ini?

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perpaduan Negara ini merupakan alat seperti Yang Berhormat kemukakan tadi bagi lebih berkesan maka Lembaga ini perlu diwujudkan dan bukan dihapuskan barangkali nama sahaja yang kita hapuskan, tetapi tugasnya adalah tetap seperti yang kita rencanakan.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Soalan tambahan. Pertama saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan apakah dasar-dasar yang dipakai oleh Lembaga Perpaduan Rakyat ini untuk memadukan rakyat negeri ini. Adakah dasar polarisasi, assimilasi atau lain-lainnya.

Yang kedua, menurut jawapan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa ada buku-buku yang dikeluarkan oleh Lembaga ini, tetapi menurut pendapat saya buku-buku itu hanya dikeluarkan lebih banyak mengenai memperkenalkan adat-adat sesuatu kaum di dalam negara kita ini. Kalau itulah rupa bukunya apakah pendapat Kementerian yang berkenaan bahawa buku ini betul-betul boleh memperpadukan rakyat di negara kita ini?

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, asas kepada Perpaduan ini ialah berlandaskan kepada Rukunegara kerana perpaduan ini lahirnya ialah dengan ujudnya Rukunegara. Rukunegara ini ujud ialah oleh kerana berlakunya sesuatu yang tidak diinginkan di negara kita ini bersabit dengan demokrasi yang tidak terkawal yang berlaku pada tahun 1969. Hasil daripadanya kita ujudkan satu haluan negara yang dinamakan Rukunegara, maka perpaduan yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri ini ialah berhaluan kepada Rukunegara itu.

Adapun tentang soalan kedua Ahli Yang Berhormat itu saya di sini ada banyak buku-buku yang dikeluarkan oleh Majlis Perpaduan Negara ini yang semuanya itu mengenali adat resam. Betul, inilah konsep perpaduan yang boleh dikemukakan, kita mengenal adat resam orang. Sebab di dalam Rukunegara ialah kesusilaan dan yang akhir sekali itu. Soal kesusilaan ini hendaklah kita mengetahui adat resam sesuatu kaum yang banyak di dalam negara kita ini. Macam orang Melayu, orang-orang keturunan China mesti faham apa yang menjadi pantang larang kepada orang Melayu, begitu juga sebaliknya apa yang menjadi pantang larang kepada orang-orang bukan Melayu supaya dengan mengenal semua pantang larang dan adat resam ini akan melahirkan perpaduan. Dengan tidak mengenali di antara satu sama lain akan menimbulkan retak dan salah sangka dan akibatnya tujuan pada perpaduan kita tidak akan lahir. Walaupun pada peringkat awal ini mungkin kita menganggap bahawa ini merupakan satu cara yang tidak begitu berkesan tetapi saya yakin dan Jabatan Perdana Menteri yakin melalui inilah dan melalui kelas-kelas perpaduan negara serta dengan alat-alat Kerajaan kita yang ada inilah kita akan dapat melahirkan perpaduan itu melalui asas-asas yang konkrit. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai fikiran serta pendapat-pendapat yang lebih daripada ini, maka saya dengan segala hormatnya menjemput Yang Berhormat mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis Perpaduan Negara untuk timbangan dan kalau mungkin untuk di jalankan supaya tujuan perpaduan ini dapat kita capai.

SISTEM JURI

8. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan samada Jabatannya bercadang meneruskan penggunaan sistem juri yang ada sekarang di mahkamah undang-undang kita, dan apakah faedah sistem juri.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengubah sistem juri yang diamalkan sekarang di Mahkamah-mahkamah Tinggi.

Sistem juri telah berjalan semenjak Mahkamah Tinggi ditubuhkan di negara kita dan sistem ini adalah berjalan dengan memuaskan. Ahli-ahli panel juri terdiri dari orang awam yang mempunyai pelajaran dan mempunyai pengalaman. Juri tidak mengadakan perkara-perkara Undang-undang, tetapi juri hanya mengadakan "fact" dalam kes-kes yang dibicarakan. Oleh itu, tidak ada apa-apa kelemahan Undang-undang didapati dalam sistem tersebut. Faedah sistem juri yang terbesar ialah adanya consensus keadilan dari 7 orang dan bukan dari hanya seorang.

ALAT PEMADAM API (FIRE EXTINGUISHER)

9. Datuk Haji Abu Bakar Titingan minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau akan membuat peraturan supaya pemandu-pemandu kereta hendaklah membawa alat pemadam api (fire extinguisher) dalam kereta masing-masing. Ini adalah untuk keselamatan diri sendiri dan orang ramai memandangkan kemungkinan berlakunya kebakaran melalui short circuit. Jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya kenderaan-kenderaan pengangkutan Awam sahaja yang dikehendaki membawa alat pemadam api di bawah Kaedah-kaedah Kereta Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah diambil perhatian.

DADAH BERBAHAYA

10. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Undang-undang menyatakan sejak diluluskan akta-akta yang memperuntukkan hukuman mati ke atas mereka yang terlibat dalam pengedaran dadah berapa orangkah hingga sekarang telah:

- (a) dihukum bunuh; dan
- (b) dipenjarakan.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, semenjak pindaan di bawah Ordinan Dadah Berbahaya tahun 1952 dikuatkuasakan pada bulan April, 1975 dalam mana mereka yang

didapati bersalah melakukan kegiatan "trafficking" atau mengedar boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup.

Setakat ini seorang telah dihukum mati; dan

8 orang dipenjarakan seumur hidup serta disebat.

SOUTH INDIAN LABOUR FUND

11. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) jumlah wang yang telah dikumpul di dalam tabung South Indian Labour Fund;
- (b) berapa banyak yang sudah dibelanjakan dan di atas tujuan apa; dan
- (c) jumlah wang yang masih berbaki.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang telah dikumpulkan dalam Kumpulan Wang Buruh India Selatan pada 1-1-1976 ialah \$3,875,134.92.

Jawapan kepada (b) sejumlah wang sebanyak \$308,873.45 telah dibelanjakan pada tahun 1976 mengikut butir-butir di bawah ini:

(1) Penyelenggaraan rumah orang-orang tua di Nibong Tebal ...	\$ 96,294.33
(2) Bayaran bantuan kepada orang-orang tua yang tidak tinggal di rumah orang-orang tua itu ...	11,210.00
(3) Bayaran kerana menghantar pulang pekerja ke India ...	2,542.55
(4) Biasiswa kepada anak-anak pekerja India Selatan di sekolah-sekolah menengah ...	2,679.50
(5) Perbelanjaan pentadbiran ...	98,234.39
(6) Pinjaman kepada anak-anak pekerja India Selatan ke universiti-universiti ...	131,894.08

Jawapan kepada soalan (c) baki pada 31-12-1976 ialah \$3,859,066.77.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang hendak menukar nama South Indian Labour Fund ini kepada nama yang ke Malaysia kerana ini memalukan keturunan India di dalam negara kita ini kerana orang ketahu di mana asal usul mereka datang pada hal mereka telah mengakui: di sinilah tempat aku lahir dan di sinilah tempat

aku mati. Adakah Kerajaan bercadang hendak mengubah nama dan nama ini pada pandangan saya agak sensitif.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menukar nama tabung wang ini oleh kerana Tabung Wang ini telah ditubuhkan khas untuk mengawasi keadaan pekerja-pekerja yang telah dibawa ke negara Malaysia ini pada masa itu untuk bekerja di berbagai sektor. Saya juga merasa bahawa anak-anak atau keluarga-keluarga keturunan pekerja-pekerja dari India Selatan ini tidak merasa malu untuk dikenalkan sebagai anak-anak kepada South Indian Labourers.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya bentuk lain pula. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri ini memberi satu takrif yang dikatakan Masyarakat India Selatan itu dan dari mana sumber kewangan yang mengisikan tabung sehingga dapat \$3 million ini?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, takrif South Indian dan takrif labourer adalah terkandung dalam undang-undang yang menubuhkan tabung ini.

(Dengan izin)

“ ‘South Indian’ means any person—

- (a) whose mother tongue is, or the mother tongue of whose parents was Tamil, Telegu, Malayalam, Canarese or Uriya; and
- (b) who was born or is descended from persons who were born in South India”.

Takrif itu, saya fikir adalah jelas dan terang. Jawapan kepada soalan mengenai punca-punca kewangan tabung ini ialah bahawa sebelum tahun 1937 majikan-majikan yang menggajikan pekerja-pekerja daripada India Selatan ini telah dikenakan pembayaran satu cess yang telah dikumpulkan dahulunya daripada tahun 1907 di bawah Indian Immigration Fund Ordinance, 1907 dan selepas itu di bawah South Indian Labour Fund Ordinance yang telahpun diluluskan oleh Parlimen selepas merdeka dalam tahun 1958.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang telah memberi jawapan. Sekarang ini saya

hendak bertanya berapa ramai orang-orang tua yang duduk di dalam rumah itu dan berapa perbelanjaan bagi tiap-tiap kepala?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir jumlah pada satu ketika tidak dapat diberi oleh kerana angka orang-orang tua yang duduk di rumah ini nisbahnya turun naik, tetapi saya fikir pada masa ini adalah lebih daripada 100 dan jika angka itu dapat dibahagikan dalam perbelanjaan yang saya beri tadi dapatlah pukul rata perbelanjaan per head itu.

PERMOHONAN MEMASUKI UNIVERSITI/INSTITIUT PENGAJIAN TINGGI

12. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pemohon-pemohon yang memohon untuk memasuki semua Universiti dan Institiut pengajian tinggi tempatan pada tahun 1977; dan
- (b) bilangan pengambilan baru untuk setiap Universiti dan Institiut pengajian tinggi dengan memberi angka-angka pecahan mengikut bangsa.

(b) Jumlah pengambilan pelajar-pelajar mengikut kaum ialah:

	Bumiputra	China	India	Lain-lain	Jumlah
5 buah Universiti	4,457	1,187	266	43	5,953
Politeknik Ungku Omar dan Politeknik Kuantan	536	162	19	—	717
Institiut Teknologi MARA di Shah Alam, Perlis, Trengganu, Sabah dan Sarawak	2,377	—	—	—	2,377
Kolej Tunku Abdul Rahman ...	61	2,991	211	—	3,263

DOKTOR KERAJAAN DAN SWASTA

13. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) bilangan doktor-doktor yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan terdiri daripada—
- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) yang bukan warganegara yang diambil dari luar negeri;
- (ii) adakah gaji di antara doktor-doktor warganegara dan yang bukan warganegara berbeza;

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua soalan yang hampir sama telah dijawab di Dewan Rakyat pada 11hb Julai, 1977 oleh Yang Berhormat Pemangku Menteri Pelajaran.

- (a) Jumlah permohonan yang diterima daripada mereka yang layak untuk ditimbangkan untuk memasuki ke universiti-universiti dan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan bagi tahun 1977 ialah seperti berikut:
- (i) Kursus Ijazah (di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Pertanian Malaysia): 11,683.
- (ii) Kursus Diploma/Ijazah (di Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia): 14,315.
- (iii) Politeknik Ungku Omar, Ipoh: 5,000.
- (iv) Politeknik Kuantan: 751.
- (v) Institiut Teknologi MARA: 10,500.
- (vi) Kolej Tunku Abdul Rahman: 7,593.

(iii) berapa bilangan doktor-doktor warganegara yang berhenti dari perkhidmatan Kerajaan bagi tiap-tiap satu tahun dari 1971 hingga 1976; dan

(iv) apakah sebab-sebabnya yang doktor-doktor itu mengambil langkah berhenti dari perkhidmatan mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawabnya,

- (i) Bilangan doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan ialah:
- (a) Warganegara ... 1,639 orang

- (b) Bukan warga-negara yang diambil dari luar negeri 220 orang
- (ii) Tidak ada perbezaan gaji di antara doktor-doktor warganegara dengan bukan warganegara oleh kerana mereka dilantik di bawah sekim perkhidmatan yang sama.
- (iii) Bilangan doktor-doktor warganegara yang berhenti dari perkhidmatan Kerajaan dari tahun 1971 hingga 1976 ialah:
- | | | | | |
|------|-----|-----|-----|----------|
| 1971 | ... | ... | ... | 84 orang |
| 1972 | ... | ... | ... | 83 " |
| 1973 | ... | ... | ... | 117 " |
| 1974 | ... | ... | ... | 105 " |
| 1975 | ... | ... | ... | 125 " |
| 1976 | ... | ... | ... | 146 " |
- (iv) Kebanyakan daripada doktor-doktor ini berhenti daripada perkhidmatan mereka atas sebab-sebab persendirian iaitu samada untuk menjalankan "private practice" dalam sektor swasta atau mengikuti pengajian lepasan Ijazah di luar negeri.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan berapa anggaran doktor yang mencukupi dalam negara kita ini? Yang kedua, bila jangkanya doktor itu boleh dapat mencukupi jangka yang dikehendaki oleh negara?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, amatlah sulit bagi saya untuk menentukan berapa banyak doktor yang patut kita adakan tetapi sepanjang yang saya ketahui pada masa sekarang ini kita mempunyai seorang doktor untuk 4,500 orang. Kalau boleh biarlah bagi seorang doktor 500 orang lagi baik, oleh kerana itu kita sekarang ini mengadakan Fakulti Perubatan di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan dan selain daripada itu kita menghantarkan pelajar-pelajar keluar negeri untuk mengikuti kursus-kursus doktor untuk berkhidmat di negara kita ini.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab para doktor kita berhenti tiap-tiap tahun dan kita kekurangan doktor jadi

adakah Kerajaan bercadang menimbangkan doktor-doktor pakar yang datang daripada India ataupun Bangladesh atau lain-lain tempat yang berkhidmat di negara ini yang akan habis tempohnya ditimbangkan memandangkan keperluan negara supaya kontrek-kontrek itu boleh dilanjutkan sehingga kita dapat gantian ataupun dapat mengadakan kepakaran di sini?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan menimbangkan usaha untuk melanjutkan mana-mana pakar yang telah tamat tempohnya dan ini adalah bergantung kepada Kerajaan dengan Kerajaan, mungkin kalau kita mahu doktor itu berkhidmat di negara kita ini tetapi kalau Kerajaan dari negeri doktor itu datang tidak membenarkan, kita tidak dapat membuat apa-apa. Kebanyakannya kita menimbangkan untuk dia berkhidmat dalam negara kita ini bagi masa yang lebih panjang.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sedar keadaan antara doktor yang ada di Perkhidmatan Awam dan doktor di sektor swasta yang tidak serupa oleh sebab banyak doktor yang mahu masuk ke Perkhidmatan Awam disebabkan mereka ini mengharapkan ada peluang-peluang untuk menyambung pelajaran tinggi di sektor awam. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar peluang-peluang yang ada kurang di Perkhidmatan Awam untuk doktor-doktor, khasnya pakar untuk menyambung pelajaran mereka, dan kebanyakan doktor oleh sebab frustration keluar daripada Perkhidmatan Awam untuk masuk di dalam sektor swasta bagi mencari keuntungan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir begitu.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita mungkin telah maklum bahawa kebanyakan doktor-doktor dalam negeri ini telahpun meninggalkan negaranya untuk bermastautin di negeri-negeri lain. Jadi oleh kerana kita sekarang kekurangan doktor, adakah Kementerian Kesihatan memikirkan iaitu kita boleh juga memberi satu insentif yang serupa kepada doktor-doktor luar, umpamanya, Bangladesh seperti mana

yang disebutkan tadi juga Indonesia, Turki dan untuk diberi taraf permanent residence di Malaysia untuk menjadi doktor di sini.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, itu terserahlah kepada Kerajaan memikirkannya dan bukanlah tanggungjawab Kementerian, itu luar daripada kuasa yang Kementerian saya boleh buat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawab, bolehlah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan iaitu mereka yang datang ke negara ini bekerja secara kontrak itu tidak diberi status permanent stay, kerana apabila diberi status permanent stay, kalau mereka berhenti tidak dapatlah kita berbuat apa-apa lagi. Dengan sebab itu kita tidak menggalakkan status permanent stay diberikan kepada pakar-pakar.

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya tiap-tiap doktor yang berhenti itu harus barangkali kerana kekurangan gaji. Jadi tidak bolehkah Kementerian ini menimbangkan supaya taraf gaji tiap-tiap doktor itu dipertimbangkan lebih lagi, kalau tidak dia akan mencari keuntungan di luar dengan lumayannya.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut keadaan sekarang ini gaji yang diberikan kepada doktor-doktor itu tidak kurang. Saya rasa kalau mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet yang baru ini taraf doktor ini adalah tinggi pada permulaannya iaitu kalau tidak silap saya \$1,225. Tetapi bagi mereka yang ingin kaya cepat, itu saya tidak tahu hendak memikirkannya.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi iaitu kita tidak menggalakkan permanent stay. Jadi bolehkah saya mendapat faham bahawa di dalam takrif kita hanya doktor-doktor yang bekerja dengan Kerajaan sahaja dikira perkhidmatan awam atau kalau seorang doktor itu diberi permanent residence

kalau dia berhenti daripada perkhidmatan dengan Kerajaan kiranya dia bekerja dengan sektor swasta tidak dikira sebagai memberi satu khidmat kepada negara.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalan begini sudahlah merebak, maksudnya dengan cara itu maka bolehlah kita menambahkan rakyat kita di sini nanti. Tetapi dasar kita ialah kita tidak mahu orang luar duduk di negeri kita dan menambahkan rakyat kita ini. Jadi dengan sebab itulah maka Kerajaan membuat dasar kepada orang yang datang ke mari dengan cara kontrak, maka kita tidak menggalakkan bahkan kita tidak mengizinkan, melainkan sebab-sebab yang paling istimewa mereka dapat taraf permanent stay, kerana kalau sudah dapat kontrak tadi dan dia dapat permanent stay, tidak ada siapa yang boleh menahan dia berhenti daripada kontrak itu dan bekerja sebagai doktor private. Dengan cara ini maka timbullah satu loophole, satu lubang yang besar untuk kita mengizinkan orang luar masuk bermastautin di negara kita ini sehingga boleh meminta ke peringkat kerakyatan.

PERUMAHAN MURAH

14. Datuk Haji Abu Bakar Titingan minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan membuat peruntukan supaya pembeli-pembeli rumah yang tidak berumah mendapat pinjaman penuh dengan kadar faedah yang lebih rendah untuk mengelakkan lebih ramai lagi rakyat memiliki rumah sendiri. Jika ya bila dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, beberapa skim perumahan murah sedang diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kuasa-kuasa Tempatan untuk membolehkan rakyat memiliki rumah seperti yang telah dimaklumkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Kerajaan telahpun mengadakan peruntukan sebanyak \$111,342,820 dalam tahun 1977 bagi membina rumah-rumah untuk rakyat melalui Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kuasa-kuasa Tempatan. Manakala jumlah anggaran yang akan dibelanjakan dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$480 juta yang akan diusahakan oleh Ajensi-ajensi Kerajaan

Negeri iaitu Semenanjung Malaysia sebanyak \$426 juta, Sarawak sebanyak \$35 juta dan Sabah sebanyak \$18 juta.

Rumah-rumah harga rendah yang dibina oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Rancangan ini mempunyai syarat-syarat seperti berikut:

- (1) Harga rumah tidak boleh lebih dari \$7,500 atau jika rumah pangsa tidak lebih dari \$12,000.
- (2) Jumlah pinjaman yang diberi ialah jumlah penuh harga rumah.
- (3) Kadar faedah pinjaman tidak lebih dari 5½% iaitu jauh lebih rendah jika dibanding dengan kadar faedah yang dikenakan oleh institusi-institusi kewangan, seperti bank-bank perdagangan.
- (4) Jangka masa bayaran balik ialah 20 tahun.
- (5) Bayaran bulanan tidak lebih dari \$55.00 sebulan.

Peruntukan ini juga termasuk wang pusingan Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan kepada golongan pendapatan rendah sebanyak \$10 juta. Jumlah pinjaman yang diberikan melalui kumpulan ini tidak lebih dari \$5,000 pada kadar faedah 4% setahun dan masa bayaran balik selama 15 tahun.

Di samping rancangan-rancangan perumahan di atas ada lagi satu Sekim Pinjaman Membeli Rumah Harga Murah seperti yang telahpun dimaklumkan di Dewan ini pada 13-12-1976. Sekim ini dibiayai bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Semenanjung Malaysia yang akan membelanjakan sebanyak \$400 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Yang Berkenaan sedar banyak orang di Malaysia, khususnya rakyat dari golongan miskin tidak tahu kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kerajaan, dan kalau Yang Berhormat sedar kaedah ini boleh Kementerian itu meluaskan penerangan atau publisiti kepada rakyat untuk mengetahui kemudahan-kemudahan yang ada pada masa sekarang.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sedang diuruskan terutamanya tanggungjawab itu terpulang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan ajensi-ajensi yang menjalankan. Dan dari segi menjalankan pengurusan rumah murah di bawah Kumpulan Wang Amanah, Pinjaman, Perumahan, pihak Kementerian Perumahan sedang merangka dan menyediakan Buku Panduan kecil untuk diedarkan kepada orang ramai untuk maklumat mereka.

DENDA MEMBUANG SAMPAH

15. Puan Hajjah Fatimah binti Abdul Salim minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan bilangan orang-orang yang telah dikenakan denda kerana membuang sampah. Apakah tindakan beliau akan ambil supaya kempen membersihkan Bandaraya dapat dilaksanakan dan tidak menjadi kempen kosong sahaja.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Kempen Kebersihan Bandaraya Kuala Lumpur telah dimulakan pada tahun 1970. Bilangan orang-orang yang telah dikenakan denda kerana membuang sampah ialah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1971	1,393 orang
1972	906 "
1973	1,885 "
1974	4,424 "
1975	1,576 "
1976	1,249 "
1977 (Jan-Jun)	835 "

Untuk menjadikan kempen kebersihan supaya lebih berkesan Kerajaan akan mengambil langkah-langkah berikut:

- (1) Melanjutkan tempoh kempen kebersihan tersebut.
- (2) Menambahkan bilangan kakitangan yang terlibat dengan kempen berkenaan.
- (3) Memberitahu orangramai mengenai kempen kebersihan melalui Jabatan Penerangan.
- (4) Melahirkan kesedaran terhadap kebersihan dikalangan murid-murid sekolah dengan cara mengadakan

peraduan melukis poster dan menarang essay yang dijalankan oleh Jabatan Pelajaran.

- (5) Membuat pemeriksaan di kedai-kedai kopi dan kedai-kedai makan supaya peraturan kebersihan sentiasa dipatuhi. Hadiah-hadiah dan sijil-sijil penghargaan diberi kepada pemilik-pemilik kedai makan yang paling bersih.
- (6) Sekiranya sambutan orang ramai tidak menggalakkan, dan keadaan kebersihan Bandaraya tidak begitu memuaskan pada keseluruhannya, Kerajaan mungkin mengenakan denda yang lebih tinggi lagi.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam Bandaraya Kuala Lumpur sekarang tong-tong sampah Kerajaan itulah yang kotor (*Ketawa*). Di merata-rata tempat di mana-mana simpang jalan yang lebih tinggi daripada orang itu yang tidak pernah di tengok, tidak pernah dicuci, tidak pernah disembur dengan ubat. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar dan adakah Kerajaan bercadang membaiki perkara ini supaya keadaan ini bertambah baik.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang perkara ini dan tindakan telah di ambil untuk mengatasi perkara ini (*Ketawa*).

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan mengambil pengertian istilah kebersihan Bandaraya. Adakah istilah Bandaraya ini keseluruhan kawasan bandaraya Kuala Lumpur atau ada tempat-tempatnya yang dikehendaki dibersihkan.

Kedua, adakah menjadi kesalahan kepada pihak kakitangan Bandaraya yang mana mereka ini bertanggungjawab di atas melaksanakan kebersihan ini yang mereka itu sendiri yang membuatnya.

Tan Sri Ong Kee Hui: Untuk menjawab soalan yang pertama, memanglah kebersihan Dewan Bandaraya meliputi semua kawasan dalam Bandaraya.

Kedua, apabila ada bukti kakitangan Dewan Bandaraya sendiri yang mengotorkan kebersihan, tindakan akan di ambil oleh Dewan Bandaraya terhadap mereka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 21 adalah diberi di bawah ini).

BENIH BERMUTU

16. Datuk Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar bahawa salah satu masalah yang dihadapi oleh petani-petani negeri ini ialah kesulitan untuk mendapatkan benih-benih yang baik. Jika benar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini mengenai perkara ini dan jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Kadang-kadang benar kerana ini bergantung kepada faktor keperluan dan bekalan benih. Walaupun begitu, kekurangan benih bermutu bukanlah bagi semua jenis tanaman. Benih-benih yang perlu kebanyakannya dapat dibekalkan. Langkah-langkah dan usaha-usaha sentiasa diambil untuk memesatkan pengeluaran benih-benih bermutu. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Jabatan Pertanian akan membuka beberapa buah lagi pusat pengeluaran benih-benih tanaman yang baru di negeri-negeri Pantai Timur.

Lembaga Pertubuhan Peladang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga juga diperuntukkan sebanyak \$800,000 untuk menubuhkan petak-petak semaian dagangan.

GETAH PEKEBUN-PEKEBUN KECIL

17. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) jumlah luas ekar tanah getah (i) estet; (ii) pekebun-pekebun kecil yang telah di tanam semula; dan
- (b) jumlah ekar tanah getah pekebun-pekebun kecil (i) yang patut ditanam semula, dan (ii) yang telah ditanam semula tetapi gagal dan nyatakan sebab-sebab kegagalan itu.

Tuan Lew Sip Hon:

- (a) (i) Jumlah keluasan tanah getah estet yang telah ditanam semula sejak rancangan penanaman semula tanah

getah estet bermula pada tahun 1952 sehingga 31-12-1976 ialah sebanyak 1,400,205 ekar dari jumlah keluasan yang didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) sebanyak 1,570,650 ekar.

- (ii) Jumlah keluasan tanah getah pekebun-pekebun kecil yang telah ditanam semula sejak tahun 1952 sehingga akhir tahun 1976 ialah sebanyak 1,543,534 dari jumlah keluasan yang didaftarkan dengan RISDA sebanyak 2,275,025 ekar.
- (b) (i) Jumlah tanah getah pekebun-pekebun kecil yang patut di tanam semula sehingga akhir tahun 1976 ialah seluas 617,587 ekar.
- (ii) Jumlah tanah getah pekebun-pekebun kecil getah yang di tanam semula tetapi gagal sehingga akhir tahun 1976 adalah seluas 63,035 ekar.

Di antara sebab-sebab kegagalan itu berlaku ialah seperti berikut:

- (a) Pekebun-pekebun kecil tinggal berjauhan dari kebunnya kerana kebun itu terletak dipendalaman. Jagaan yang sempurna tidak dapat diberi kepada kebun menyebabkan kebun tadi tinggal terbiar begitu sahaja, kecuali sekali sekala sahaja ia diusahakan.
- (b) Ada kalanya kebun-kebun itu dimusnahkan oleh faktor-faktor di luar kawalan manusia seperti banjir, angin ribut, kebakaran atau haiwan.
- (c) Sesuatu kebun tanam semula dianggap gagal jika pekebun itu tidak mematuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak RISDA misalnya tidak menggunakan baka yang diluluskan.
- (d) Sikap kurang minat oleh pekebun kecil untuk mengusahakan kebunnya kerana lebih terlibat dalam kerja-kerja lain yang boleh memberi wang tunai yang lebih cepat.

BANGUNAN PENUMPANG LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG

18. Datuk Haji Abu Bakar Titingan minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa apabila hujan lebat, penumpang yang sedang menunggu di Lapangan Terbang Subang kena tempias. Adakah

beliau mempunyai rancangan untuk meng-hawa-dinginkan tempat menunggu disebelah bawah dan kantin disebelah atas untuk mengelak dari hawa panas dan kebisingan enjin kapalterbang. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Perincian dan rekabentuk untuk mengubahsuaikan bangunan penumpang yang sekarang ini sedang dibuat oleh sebuah Syarikat Perunding Antarabangsa. Antara kerja-kerja yang akan dibuat ialah penyediaan bilek ketibaan penumpang-penumpang di bahagian bawah yang mana akan dihawa dinginkan dan juga melindungi dari tempias hujan.

Rancangan juga telah ada untuk memindahkan tempat makan (kantin) yang terletak di bahagian atas ke satu tempat yang lebih selesa.

Adalah dijadualkan kerja-kerja pembinaan akan dapat dimulakan pada awal tahun 1979 selepas rekabentuk dan perincian bangunan penumpang ini disiapkan.

SENJATAPI HARAM

19. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan senjatapi haram telah dirampas dalam tahun 1976 dan 1977 sehingga hari ini; dan
- (b) jumlah bilangan orang-orang yang bersalah di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 dan telah dihukum mati atau penjara seumur hidup semenjak undang-undang itu dikuatkuasakan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Jumlah senjatapi haram yang dirampas dalam tahun 1976 dan tahun 1977 hingga ke bulan Julai ialah sebanyak 353 pucuk.
- (b) Semenjak Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) No. 37/71 dikuatkuasakan seramai 185 orang telah didakwa di Mahkamah, dan 82 daripadanya didapati bersalah di bawah Akta tersebut. Enam dari mereka telah menerima hukuman mati dan 2 dipenjara seumur hidup.

TALIPON OPERATOR

20. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perhubungan menyatakan iaitu baru-baru ini Jabatan Telekom Malaysia telah menyampaikan 200 surat kepujian kepada talipon-talipon operator yang memegang jawatannya di dalam Jabatan Telekom sahaja. Saya ingin tahu apa sebabnya surat-surat kepujian seperti ini tidak diberikan kepada talipon-talipon operator yang bekerja di semua jabatan-jabatan Kerajaan dan bukan sahaja operator-operator yang bekerja di jabatan-jabatan Kerajaan yang berbudi bahasa tinggi dan bertutur dengan lemah-lembut, sememangnya mereka akan merasa kecil hati.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Berhubung dengan Operasi Berbahasa yang dijalankan pada tahun 1976, Jabatan Telekom telah menyampaikan Sijil-sijil Kepujian kepada seramai 158 telefonis-telefonis yang terpilih dari seramai 2,031 telefonis-telefonis di semua ibusawat-ibusawat telefon awam di seluruh Malaysia.

Pengurusan kakitangan-kakitangan Papan-papan Suis Telefon bagi Ibusawat-ibusawat Telefon Bahagian Bersendirian di jabatan-jabatan Kerajaan yang lain, Badan-badan Separuh Kerajaan, firma-firma swasta dan hotel-hotel adalah di bawah kawalan jabatan-jabatan dan pertubuhan-pertubuhan masing-masing. Oleh itu, sebarang kurniaan untuk telefonis-telefonis ini adalah lebih sesuai untuk dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab bagi mereka.

TEKSI BURUK

21. Puan Hajjah Fatimah binti Abdul Salim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan teksi-teksi di Kuala Lumpur adalah didapati dalam keadaan buruk dan ada pula pintunya tidak boleh ditutup dengan rapi. Ini adalah membahayakan penumpang-penumpang. Jika ya, apakah tindakan beliau bercadang hendak ambil dan jika tidak, mengapa.

Dr Goh Cheng Teik: Saya sedar ada terdapat teksi-teksi di Kuala Lumpur di dalam keadaan yang kurang memuaskan. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang

Berhormat semua teksi-teksi adalah dikehendaki diperiksa tiap-tiap enam bulan dan mestilah berada di dalam keadaan yang memuaskan sebelum ianya dilesenkan.

Langkah lain untuk menjamin teksi-teksi di dalam keadaan yang memuaskan ialah bahawa kecuali kereta-kereta yang baru didaftarkan, semua kereta-kereta yang berumur lebih daripada 2 tahun tetapi kurang daripada 10 tahun, hendaklah diperiksa terlebih dahulu oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, sebelum ianya dibenarkan digunakan sebagai teksi.

Walaupun bagaimanapun, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberikan butir-butir lanjut mengenai teksi-teksi yang berada di dalam keadaan yang tidak memuaskan, Kementerian saya akan bersedia mengambil tindakan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (9hb Ogos, 1977).

3.35 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam ketika membahaskan Rang Undang-undang Lalulintas (Pindaan) (No. 2) dan menyentuh ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan semalam tujuan mengadakan beberapa peraturan, kaedah penggunaan talipinggang keledar.

Menurut hemah saya, banyak perkara yang patut dikaji dengan cermat oleh Kerajaan bila mana hendak melaksanakan kuasa-kuasa Rang Undang-undang ini kelak. Sebab beberapa tambahan bebanan dan kesulitan dari segi kewangan dan lain-lain termasuk hukuman yang akan diterima oleh mereka yang tidak mematuhi dan melanggar peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini. Maka dengan sebab itu setengah-setengah negara yang maju di dunia ini seperti Jepun, Amerika ataupun England sekalipun, belum lagi mengadakan Rang Undang-undang

Talipinggang Keledar menurut hemah saya. Bahkan daripada apa yang difahami kalau salah, Yang Berhormat Menteri boleh betulkan—di England sendiri ketika dibawa Rang Undang-undang yang seumpama ini di Dewan Pertuanan telah ditolak. Tetapi di Malaysia ini sebagai sebuah negara yang baru membangun, menurut kemajuan yang begitu cepat mudah terpengaruh dengan pandangan-pandangan dan nasihat-nasihat pakar-pakar perunding daripada luar negeri. Apa lagi pakar perunding dari negeri yang ada motifnya dari sudut perniagaan dan perusahaan. Maka dengan sebab itulah kita terus menggubal Rang Undang-undang Talipinggang Keledar ini yang dikuatkuasakan di dalam Rang Undang-undang Lalulintas yang dikemukakan di dalam Parlimen bagi diluluskan.

Saya sebagai Ahli Parlimen khasnya Ahli Dewan Negara terpaksa juga meluluskan Rang Undang-undang ini sebab telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya dalam tajuk kaedah talipinggang keledar seperti yang tercatat di dalam Rang Undang-undang ini—semalam setelah saya membangkitkan soal talipinggang keledar ini hendaklah mencukupi bagi permintaan dan kegunaan seluruh mereka yang berkenaan. Dalam masalah ini, satu perkara yang saya fikir kalau kita kuatkuasakan Rang Undang-undang ini maka bahan-bahan ini tidak mencukupi maka satu rupa kurang molek kepada kita terhadap rakyat dan sistem menggunakan pelaksanaan secara berperingkat-peringkat itu adalah molek.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya menurut satu punca yang diberitahu kepada kita bahawa kilang talipinggang keledar ini telah mengusahakan pengeluarannya. Saya terperanjat dalam masalah ini, begitu lekasnya pada hal Rang Undang-undang ini belum tentu diluluskan. Adakah kilang-kilang ini telah menerima doa restu daripada Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kerajaan supaya dapat memastikan talipinggang yang diedarkan kepada orang ramai itu hendaklah diiktiraf atau disahkan oleh SIRIM. Sebagai mengakui mutu keteguhannya dan setelah itu barulah diedarkan kepada orang ramai serta diakui lama ketahanan talipinggang itu digunakan. Dalam Rang Undang-undang ini ada menyebutkan penjualan dan perbekalan

sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya harap dalam bidang ini dapat kiranya Kementerian ini dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberikan seberapa banyak peluang kepada syarikat-syarikat atau ahli-ahli perniagaan bumiputra kita sebagai menjadikan ejen pembekal dan penjualnya kelak. Kerana ini adalah pengeluaran yang baharu tentu senang bagi pihak Kementerian yang berkenaan memberi peluang kepada perniagaan bumiputra dengan tidak banyak daleh dan helah.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ketika membentangkan Rang Undang-undang ini menerangkan di antara tujuannya ialah untuk mengatasi kemalangan jalanraya yang kian bertambah tiap-tiap tahun walaupun masalah ini telah saya sentuh semalam iaitu meminta Kementerian ini memberikan perhatian kepada manusia yang berjalan kaki, manusia yang menunggang motosikal, manusia yang menjadi pemandu yang ganas dan saya tambah satu lagi, punca yang menambahkan kemalangan jalanraya ini termasuk juga lori muatan berat, van dan bas yang telah tua. Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara sedang pesat dalam bidang pembangunan yang berkehendakkan pengangkutan dan kenderaan yang begitu banyak, tetapi kita patut jangan lupa punca daripada manusia yang loba itu menghendakkan keuntungan yang cepat yang menyebabkan banyak nyawa manusia yang tidak berdosa melayang dan dengan itu juga melibatkan bahawa ada kaitannya dengan lalulintas jalanraya kita. Menurut hemat saya, lori muatan berat dan van ini hendaklah dihadkan umurnya iaitu 15 tahunkah atau ke bawah walaupun Jabatan RIMV menjalankan pemeriksaan pada tiap-tiap 6 bulan sekali tetapi tidak dijamin keadaan enjin dan alat-alatnya yang begitu lama boleh digunakan mengangkut barang-barang yang berat-berat berjalan dengan jauh.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana maklum, trajidi yang telah berlaku ke atas motokar Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan Sultanah iaitu Raja saya, ini berpunca daripada lori yang lama tadi, lori tua yang muatannya mengangkut sagu. Menurut berita, Duli Yang Maha Mulia telah menegur kenapa lori itu menuju hala ke keretanya tetapi apakah daya bahawa lori itu

steeringnya loose tidak boleh dikawal lagi, tidak dapat dielakkan lori itu terus menuju ke kenderaan Duli Yang Maha Mulia. Saya gemar meminta Kementerian ini supaya mendapatkan satu laporan yang penuh atas peristiwa kemalangan ini, marilah kita sama-sama berdoa kepada Tuhan semuganya Baginda berdua segera pulih seperti sedia-kala.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, melalui Dewan yang mulia ini, saya bagi pihak rakyat Negeri Johor merafakkan junjung kasih terhadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dapat mencemarkan Duli berangkat menziarahi ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di Hospital Besar pada tiga hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan lori dan van ini diminta Kementerian ini mengambil tindakan iaitu masih banyak pemborong-pemborong kita dalam negeri ini yang mengangkut pekerja-pekerjanya, memuatkan pekerja-pekerjanya lebih daripada yang patut, kadangkala kita menengok lori-lori atau van yang dibawa itu keadaannya sangat ngeri. Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang telah berlaku di Perak baharu-baharu ini dan juga di Pahang, jadi kalau kita tidak kawal, tidak jaga, lori-lori yang membawa buruh-buruh di ladang-ladang tempat bekerja ini dengan satu tindakan maka bertambah lagi banyak mangsa kemalangan jalanraya kita dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah lori lama ini kita juga dapat tahu bahawa di ladang-ladang yang besar dalam negeri ini atau juga di hutan belantara telah menggunakan lori-lori yang tidak dibayar road tax membawa pekerja-pekerja di kawasan ladangnya tetapi bila berlaku kemalangan maut, susah kita hendak mengambil tindakan susah kita hendak memberikan insuran kepada mereka yang terlibat dengan kemalangan ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala aturan dan peraturan yang dibuat oleh Kementerian ini dengan tujuan yang baik hendak membaikkan rakyat umum tetapi ada kalanya tidak diindahkan oleh setengah-setengah pemandu kenderaan bahkan lebih mendukacitakan Kementerian ini di kebelakangan, ini seolah-olah supaya pihak Kerajaan, pihak Kementerian ini mengikut

atas apa kehendak mereka. Saya contohkan: Syarikat-syarikat bas di Wilayah Persekutuan, di Trengganu, Selangor, Pahang dan diikuti oleh syarikat-syarikat di negeri lain akan menaikkan tambang bas mengikut sifir yang mereka kehendaki dan mereka akan mulakan pada 15hb Ogos, 1977, dengan memberikan alasan yang banyak, pertama menyalahkan Kerajaan mengeluarkan permit Mini Bas, yang kedua mereka mengatakan kos minyak dan kos gantirugi barang-barang itu sangat mahal. Walaupun tambang yang mereka katakan itu belum diluluskan oleh Kerajaan tetapi syarikat ini akan terus menjalankan tindakan menaikkan tambangnya. Ini kalau Kerajaan, mengambil tindakan dengan syarikat ini, ia akan membuat timbal balas kepada Kerajaan dengan mengadakan perjalanan yang perlahan atau terus mogok. Bila mereka mogok, akibatnya bukan terlibat kepada Kementerian Kerja Raya ini dan juga kepada syarikat-syarikat, akibatnya akan terkena kepada rakyat negeri ini dan akan melumpuhkan jentera Kerajaan, sebab kaki-tangan Kerajaan kebanyakan mereka menggunakan bas. Kalau bas di bandaraya ini semua mogok bukan sahaja Jabatan-jabatan Kerajaan bahkan ekonomi negara kita akan lumpuh. Jadi, saya harap atas rupa kekuatan yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat ini kepada Kerajaan, Kerajaan hendaklah mengambil perhatian yang berat dan kalau boleh membuat satu perundingan dengan mereka demi kepentingan rakyat dan syarikat-syarikat yang berkenaan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

3.48 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan penuh kepada Kerajaan kerana mengadakan satu Rang Undang-undang Lalulintas dan menguatkuasakan pemakaian talipinggang keledar kepada kereta dan motor iaitu bagi mengurangkan kemalangan berlaku. Kemalangan sering kali berlaku dan di mana-mana sahaja kita terbaca di akhbar dan juga kita melihat sendiri di sana sini berlaku kemalangan yang beberapa nyawa terkorban setiap hari apabila berlakunya satu-satu kemalangan itu. Pada kebiasaannya kemalangan berlaku adalah di antara kenderaan-kenderaan besar seperti lori balak, bas dan kereta-kereta kecil. Kemalangan seperti ini

adalah semata-mata kerana kecuaiannya daripada pemandu-pemandu dengan tidak mematuhi peraturan-peraturan lalulintas seperti tidak mengikut had laju yang dikenakan ke atas sesebuah kenderaan berat. Had laju sebagaimana 25 batu satu jam tetapi pemandu-pemandu telah memandu dengan lebih daripada 50 batu satu jam ataupun 60 batu satu jam dengan tidak memikirkan keselamatan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan kemalangan jalanraya saya berpendapat selain daripada menggunakan talipinggang, saya syorkan tiap-tiap kenderaan berat seperti lori balak, lori kargo, bas dan lain-lain kenderaan yang berat Kerajaan patut menyekat ataupun memusingkan meter kelajuan mengikut kelajuan yang dikenakan pada tiap-tiap kenderaan tersebut. Menghadkan lesen-lesen kepada orang-orang yang betul-betul layak untuk mendapatkan lesen, pengawasan yang ketat patut diawasi kepada tiap-tiap orang yang mengeluarkan lesen kerana pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, tentu tahu banyak kita dapati lesen-lesen yang boleh dibeli. Saya rasa dengan keadaan yang semacam inilah maka banyaknya berlaku kemalangan. Satu lagi menaikkan umur daripada 16 tahun kepada 21 tahun kerana banyak didapati murid-murid sekolah yang memandu kenderaan-kenderaan seperti motosikal. Mengenaikan denda dengan lebih berat lagi kepada pemandu-pemandu yang bersalah yang terlibat dalam satu-satu kemalangan. Saya mengesyorkan pihak Polis hendaklah menjalankan pemeriksaan di jalan-jalanraya, bukan sahaja di bandar-bandar besar, bahkan di pekan-pekan kerana di pekan-pekanlah banyak terdapat pemandu-pemandu kenderaan yang tidak mempunyai lesen dan juga kenderaan-kenderaan yang begitu uzur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah menguatkuasakan pemakaian talipinggang kepada kereta motor, saya ingin tahu kepada pemandu sahaja ataupun juga kepada penumpang-penumpang dan adakah kepada kenderaan seperti kereta motor sahaja. Apabila hendak menguatkuasakan pemakaian talipinggang hendaklah jangan terjadi sebagaimana dahulu kepada pemandu motosikal supaya memakai topi keledar sedangkan pengeluaran topi keledar tidak begitu mencukupi dan ada pula pengeluaran topi keledar yang dikeluarkan yang tidak diakui oleh Kementerian sebagaimana yang telah ditentukan dan yang menjadi mangsanya

ialah orang ramai kerana setelah sesuatu berkuatkuasa yang dikenakan maka orang ramai berlumba-lumba untuk membeli sesuatu benda. Saya berharap benar-benar kepada pihak yang berkenaan supaya tidak akan berlaku lagi perkara-perkara yang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

3.53 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh cuma tiga perkara sahaja berkenaan dengan Rang Undang-undang ini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang sedang dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyokong Rang Undang-undang ini yang pasti akan menyelamatkan beribu-ribu orang dari mati pelanggaran kereta seperti topi keledar untuk motosikal yang telah mengelakkan beberapa banyak penunggangnya dari trajidi yang bukan sahaja terlibat simati sendiri bahkan juga kerap kali keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kemalangan kereta khasnya kemalangan melibatkan kenderaan berat bermotor seperti lori dan bas yang sedang bertambah saya menyeru juga Kerajaan supaya memberatkan lagi hukuman terhadap pemandu lori dan bas itu yang melebihi batas kecepatan dan selalu tidak menimbangkan langsung keselamatan kereta-kereta jenis lain dan penunggang basikal dan orang-orang yang berjalan kaki. Kita selalu lihat dalam kemalangan jalanraya yang terlibat lori dan kereta ringan ataupun bas dan motokar, sering kali pemandu lori atau bas itu terelak daripada cedera atau luka ringan sahaja sedangkan pemandu dan penumpang motokar yang terlibat itu kebanyakannya mati.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, taraf pemandu kereta berat bermotor haruslah ditingkatkan lagi semasa ujian memandu diambil dan penyelewengan penguji-penguji hendaklah dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan apa yang dicadangkan oleh rakan saya tadi iaitu Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad ialah kaedah-kaedah patutlah dibuat oleh Kementerian dengan meliputi

satu syarat iaitu segala talipinggang keledar pasti diperiksa dan diluluskan oleh pihak SIRIM dan juga harga talipinggang keledar itu mesti dikawal.

3.55 ptg.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan dan saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian kerana meminda Rang Undang-undang ini. Ini adalah satu lagi kemajuan yang dicapai untuk menyelamatkan nyawa dan juga harta benda rakyat dalam negeri ini.

Ketika membahas dan menjawab tentang Rang Undang-undang Lalulintas Jalan yang dibahaskan ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap berkenaan dengan pemindaan yang begitu sedikit. Walau bagaimanapun, saya rasa soal lalulintas dan soal jalanraya dalam negara kita ini ialah satu perkara yang amat besar yang sedang memakan nyawa beratus, malahan beribu-ribu tiap-tiap tahun. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan mencari jalan daripada pengalaman-pengalaman di negeri-negeri lain di dunia seperti Amerika Syarikat, Britain, Australia, Eropah dan lain-lain lagi untuk memperbaiki Undang-undang dan Undang-undang ini dapat dijalankan dengan tegas untuk menyelamatkan nyawa pemandu-pemandu dan pengguna-pengguna jalanraya dalam negeri kita ini.

Saya rasa satu daripada sebab kemalangan menjadi-jadi dalam negeri kita ini ialah kerana bayaran lori-lori yang dibuat dengan cara bayaran trip, iaitu satu trip sekian banyak komisyen diberi kepada drebernya. Ini satu daripada sebabnya. Jadi lori atau bas itu terpaksa jalan dengan cepat supaya dia mendapat komisyen yang banyak kalau banyak kali dia jalan. Jadi Kerajaan boleh membuat Undang-undang untuk menyekat atau mengharamkan kontrek cara begini. Satu lagi cara yang dari pengalaman saya sewaktu melawat Florida beberapa tahun yang lalu ada satu cara untuk mengawal speeding, iaitu kalau sekiranya satu kereta pergi dari point A ke point B dan jalan itu katalah agaknya 200 batu dan dihadkan berjalan 50 b.s.j. dan anggaran perjalanan itu akan memakan masa 4 jam. Jikalau kereta itu akan sampai daripada point A ke point B kurang

daripada 4 jam ia akan ditahan oleh pihak Polis yang menanti di situ dan didenda. Jadi ini satu lagi cara yang kita boleh study dan jikalau sesuai boleh digunakan.

Saya suka memberi pandangan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, tentang topi keledar yang digunakan dalam negeri kita oleh penunggang motosikal pada hari ini dan saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana menjalankan Undang-undang ini secara peringkat-peringkat yang tidak berapa menyusahkan rakyat dan saya harap perkara begitu juga akan dijalankan dengan saksama, jangan dengan tergopoh-gopoh dan jangan terlambat pula. Kita mahu study tiap-tiap tempat dalam negara ini dan study pula berapa banyak talipinggang-talipinggang yang telah disediakan, jadi jangan menyusahkan rakyat dan at the same time menjalankan kuatkuasa berkenaan dengan Undang-undang ini.

Tentang apa yang disebutkan oleh rakan saya semalam akan kegunaan talipinggang keledar ini sedangkan orang yang naik kapal-terbang pun tidak tahu memakainya. Saya tidak setuju berkenaan dengan perkara itu sebab talipinggang sesiapa pun boleh pakai. Cuma setengah orang itu kalau dia nampak pramugari yang cantik, dia pura-pura tidak tahu supaya pramugari itu dapat memasang talipinggangnya (*Ketawa*), tetapi kalaulah pramugari itu tidak berapa cantik dia terus pandai memasang dengan cepat. Jadi, saya harap perkara ini tidak patut kita ambil berat. Saya rasa talipinggang bukan satu perkara yang sukar untuk dipasang.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan dan saya mohon menyokong.

4.01 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, walau apapun kita membincangkan perkara mengenai dengan talipinggang keselamatan ini, kita tidak dapat memisahkan perkara ini daripada perkara keselamatan jalanraya dan perkara keselamatan jalanraya ini tidak juga dapat dipisahkan dengan perkara pentadbiran mengenai keseluruhan perjalanan-perjalanan di jalan-jalanraya.

Di dalam masa yang tidak berapa lama dahulu kita telah meluluskan satu undang-undang yang boleh dikatakan bertujuan yang

serupa dengan undang-undang ini iaitu mengenai Undang-undang Topi Keledar. Sesungguhnya saya merasa dukacita menyebut di sini, apa perkara yang akan saya sebutkan ini, saya sendiripun tidak begitu suka dan boleh jadi Jabatan yang berkaitan pun tidak begitu suka, tetapi oleh kerana perkara ini sangat penting dan sangat mustahak demi kepentingan dan keselamatan kepada seluruh rakyat, saya rasa perlulah juga disebutkan.

Pada satu masa dahulu saya telah difahamkan oleh seorang daripada pensyarah Rotary Club yang mengatakan pembunuhan yang sehabis besar sekali di Malaysia ini bukannya kerana sakit, tetapi ialah kerana kemalangan di jalanraya. Tujuan undang-undang ini ialah untuk menyelamatkan pemandu ataupun penumpang. Tetapi rukun di jalanraya ini bukanlah hanya terletak kepada pemandu atau penumpang tetapi keadaan sesebuah kenderaan adalah juga menjadi satu rukun keselamatan jalanraya, seperti mana yang kita telah mendengar memandu juga menjadi salah satu daripada sebab-sebab yang menjadi kemalangan di jalan-jalanraya.

Tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat sahabat Datuk Haji Ahmad Arshad, nampaknya syarikat-syarikat kenderaan telah menjadi pandangan umum, telah menjadi pendapat umum bahawa Jabatan Pengangkutan Jalanraya ini tidak begitu dihormati sejak lahirnya "Panorama", lepas itu diikuti pula dengan satu cabaran yang mendadak daripada syarikat-syarikat pengangkutan yang nampaknya sudah tidak sabar lagi dengan kelengahan dan cara pentadbiran Jabatan ini menjalankan. Jadi, walau apa undang-undang sekali pun dibuat, walau apa-apa cara sekali pun dibuat, kalau sekiranya kita tidak dapat membuatkan Jabatan yang menjalankan undang-undang yang diluluskan itu dengan sempurna, maka saya rasa undang-undang ini adalah menjadi sebagai satu perkara yang dapat dibincangkan di dalam mahkamah-mahkamah ataupun di tempat-tempat yang perlu dibincangkan undang-undang. Tetapi tujuan untuk menyelamatkan penduduk, pemandu dan pengguna-pengguna jalanraya nampaknya tidak begitu berjaya. Apa yang saya suka tegaskan adalah sangat perlu supaya Jabatan Pengangkutan Jalanraya ini diberi satu perhatian yang khas, diadakan satu perubahan-perubahan yang dapat menyakinkan

pula rakyat bukan sahaja dengan sebab talipinggang keledar ini dapat menyelamatkan jiwa rakyat, tetapi pentadbiran dan perjalanan-perjalanan ini perlulah dititikberatkan.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyebutkan di sini kenapakah kebanyakan sahabat-sahabat saya semalam telah menyebutkan bahawa di Amerika Syarikat dan juga di Great Britain, di Thailand dan di Indonesia yang bandarnya lebih sebok daripada Malaysia tidak mengenakan Undang-undang Talipinggang keselamatan ini, pada hal mereka lebih sebok dan lebih banyak kenderaan di sana. Kalau ditilik dengan halus, pada hemat saya talipinggang keledar ini duduknya dalam motokar. Kita mungkin boleh mengadakan undang-undang untuk pendaftar-pendaftar atau pemeriksa-pemeriksa motokar memeriksa motokar itu waktu untuk membayar lesen supaya ditentukan bahawa talipinggang keledar itu ada dipasang pada motokar. Tetapi saya rasa amatlah sukar bagi kita ataupun bagi pemerintah ataupun bagi Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk menentukan bahawa setiap penunggang ataupun setiap pengguna motokar itu menggunakan talipinggang keledar dengan kerana dia tidak seperti topi keledar, dia di dalam motokar. Kalau ada road block di hadapan misalnya, kita boleh nampak dari jauh, pada masa itu juga kita boleh pasang talipinggang keselamatan. Oleh sebab itu, saya rasa setengah-setengah tempat tidak mengenakan undang-undang ini, dikira optional ataupun siapa yang berkehendak boleh pakai, siapa yang tidak mahu pakai pun tidak menjadikan satu undang-undang. Saya tidak tahu bagaimana caranya boleh berkesan menentukan mengapa pengguna-pengguna jalanraya tidak menggunakan talipinggang dan bagaimana untuk menentukan di masa motokar itu lari deras dia tidak menggunakan talipinggang kecuali setelah berlaku kemalangan. Saya harap di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri nanti akan dapat memberi sedikit penjelasan cara-cara untuk melaksanakan undang-undang ini.

Saya kira adalah satu perkara yang tidak begitu baik kalau kita mengadakan satu undang-undang tetapi kita tidak dapat hendak melaksanakan undang-undang itu, hanya dengan mengadakan undang-undang maka samalah seperti kita hanya untuk bercakap sahaja tetapi tidak mendatangkan apa-apa faedah dan dengan ini saya berharap undang-undang ini akan dapat dilaksanakan dengan

begitu waspada supaya akibatnya ataupun natijahnya ataupun hasilnya tidak menjadi kesusahan kepada rakyat.

4.09 ptg.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma mengambil bahagian memberikan sedikit pandangan dalam Rang Undang-undang ini yang mana kita sungguh berpuas hati bahawa Kementerian yang berkenaan telah mencuba berikhtiar mencari jalan supaya dapat mengurangkan bahaya-bahaya yang ada di dalam lalulintas di seluruh negara kita ini. Tetapi saya cuba hendak membawa perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ke atas perkataan yang akan menjadi undang-undang diperundangan di dalam Rang Undang-undang ini "to require the use of such safety seat-belts".

Kalau ada pun talipinggang keledar ini di tiap-tiap motokar tidak dipakai maka ini akan menyalahi undang-undang dan jika dipakai tidak menjadi kesalahan dan akan menyelamatkan sebahagian daripada pemandu-pemandu yang akan dapat kemalangan. Akan tetapi jika pemandu itu memakai talipinggang keledar itu kebetulan mendapat kemalangan dan cedera parah ataupun terus maut, bagaimanakah kedudukannya bagi pihak Kerajaan yang berkenaan yang menegaskan dengan diperundangan memakai talipinggang itu akibatnya tidak dapat menyelamatkan nyawa. Perkara ini telah berlaku kepada seorang pakar dalam tahun 1960an iaitu Allahyarham Encik Raslan yang mana di waktu kemalangan itu berlaku motokarnya terbakar dan dia hangus di dalam motokar itu. Di waktu itu dia memakai talipinggang keledar dan isterinya lepas keluar tetapi kerana dia memakai talipinggang keledar, maka isterinya tidak dapat menyelamatkan dia.

Masalah menyelamatkan sebahagian ataupun merosakkan sebahagian pemandu ataupun kalau kita memandu motokar dan kita sudah termasuk ke dalam sungai atau ke dalam air, kalau kita memakai talipinggang keledar, kita tak dapat bergerak. Adakah ini juga akan menyelamatkan kita di dalam motokar itu? Saya rasa perkataan yang diselitkan di situ, pihak Menteri yang berkenaan haruslah berhati-hati sedikit walaupun kita dengan sedaya upaya berikhtiar untuk mencari jalan bagi menyelamatkan pemandu-pemandu.

Saya berpendapat bahawa kalau pemandu-pemandu itu yang menggunakan kenderaan berjentera dan menggunakan jalanraya betul-betul patuh sebagaimana yang saya katakan semalam, kalau undang-undang lalulintas diikuti, kalau adat tertib dan sopan santun jalanraya dipatuhi, saya rasa ini lebih memberi kesan daripada kita menguatkuasakan satu-satu undang-undang yang mana dikenakan kepada seorang pemandu sahaja di dalam motokar itu. Betapa halnya orang lain yang menumpang di dalam motokar itu? Bukan sahaja pemandu yang mendapat kecederaan, bahkan penumpang juga terlibat jika berlaku kemalangan dan kecederaan yang serupa. Dan pemandu itu, apabila memakai talipinggang keledar itu jika mendapat kemalangan, dia telah terikat ke tempat duduknya dan dia tak dapat mengelakkan diri atau keluar dari kemalangan itu. Jadi dia tak dapat bergerak langsung. The driver could not move anywhere in order to avoid being crushed. Siapakah yang boleh dapat mengelakkan perkara seumpama itu sedangkan dia sudah terikat dan biasanya kemalangan seumpama itu berlaku kepada pemandu yang membawa kereta yang cukup deras, maka pada waktu itu, dengan sepiantas lalu, dengan kehadiran akal kita, dengan presence of mind dapatlah kita menyelamatkan diri kita, kalau kita tidak terikat, tetapi kalau sudah terikat, tentu tak dapat bergerak sebab macam di dalam perangkap.

Saya rasa kepada Menteri yang berkenaan, perkataan yang saya sampaikan ini yang ada tertulis di dalam Rang Undang-undang ini dapat dikaji semula supaya apa juga yang kita fikirkan di dalam Dewan ini terselit sebagai satu undang-undang negara, akan betul-betul dapat memberi kesan kebaikan kepada keseluruhan rakyat yang menggunakan kenderaan berjentera di atas jalanraya.

Dalam masalah ini banyak sudah diperkatakan bahawa kaedah dan keadaan yang sebenarnya kemalangan itu berlaku bukanlah disebabkan jentera itu tidak lengkap dan tidak sesuai, tetapi adalah kerana pemandu yang tidak begitu sopan mengikat undang-undang yang ada. Kalau kita lihat sebagaimana yang berlaku di New York, California, Ottawa dan lain-lain, pemandu-pemandu itu cukup hormat dengan undang-undang lalulintas. Kalau kita minta jalan, mereka beri lampu atau mereka beri izin, mereka beri jalan. Tetapi di sini kalau kita minta jalan, dia sengaja berjalan lambat, lebih-lebih lagi

di lebuhraya (highway), langsung highway code dia tak tahu di sebelah mana hendak jalan perlahan, sebelah mana hendak jalan deras, sebelah mana boleh berhenti dan sebelah mana tak boleh berhenti. Apatah lagi sikap teksi di mana sahaja hendak berhenti, dia boleh berhenti malah di tengah simpang pun dia berhenti dan begitu juga mini-bas langsung tak mengikut undang-undang. Kalau ini dapat diperkuatkan, pelaksanaan undang-undang ini dipertegaskan dengan tidak ada tolak ansur, lebih-lebih lagi road manners ini akan memberi kesan yang cukup baik kalau kita betul-betul patuh. Dan kita tidak dapat menemui kemalangan yang begitu dahsyat seperti yang kita lihat di masa lepas kerana tidak ada langsung yang menghiraukan keadaan undang-undang sopan santun jalanraya di dalam negara kita.

Saya tak tahu keadaan yang berlaku sekarang di dalam meluluskan lesen pemandu, samada perkara ini termasuk dalam senarai peperiksaan pemandu itu, tetapi saya harap dari segi inilah patut diperketatkan lagi. Walaupun seorang itu mahir memandu tetapi jikalau undang-undang lalulintas, itu tidak dipatuhi, tidak dapat disematkan dalam otaknya, tak usahlah diluluskan lesennya. Kalau ini dapat dikuatkuasakan dengan sebenarnya, maka saya rasa cara dan gaya Kementerian ini untuk mengurangkan kemalangan yang begitu banyak itu, insya Allah saya rasa dapat kita jalankan.

4.18 ptg.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh langkah yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini untuk memaksa semua kereta dilengkapkan dengan talipinggang keledar kerana itu akan dengan sesungguhnya menyelamatkan ber-puluh jiwa dari kemalangan di jalanraya.

Dalam perkara ini, saya ingin mencadangkan bahawa pembuat talipinggang keledar ini dikawal dari segi harga. Jikalau tidak pengguna-pengguna akan dikenakan bayaran yang amat tinggi harganya. Juga saya cadangkan bahawa semua talipinggang keledar hendaklah mendapat sijil Piawaian Standard Institution of Malaysia (SIM) atau kelulusan pihak SIRIM sebelum diterima. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh membuat syarat ini dalam peraturan-peraturan yang beliau akan buat kelak di bawah Rang Undang-undang ini.

Menyentuh tentang Ordinan Lalulintas 1958, pendaftaran kereta-kereta motor hendaklah dibuat menurut daftar di dalam negeri-negeri di mana kereta-kereta motor itu dibeli sahaja. Seperti sebuah kereta dibeli di Wilayah Persekutuan hendaklah didaftarkan dengan nombor daftar Wilayah sahaja dan sebaliknya bagi kereta-kereta motor yang dibeli di lain-lain negeri di mana pembeli itu tinggal, hendaklah didaftarkan di dalam negeri itu sahaja dan tidak boleh didaftarkan dengan nombor Wilayah Persekutuan. Ini terdapat banyak kejadian di mana pembeli-pembeli itu tinggal di negeri-negeri lain yang luar daripada Wilayah Persekutuan, tetapi oleh kerana sesuatu maksud tertentu, kereta itu dibeli di dalam Wilayah Persekutuan dan didaftarkan dengan nombor Wilayah Persekutuan. Semua pembeli-pembeli kereta hendaklah mendaftarkan kereta-kereta mereka di dalam negeri di mana mereka itu tinggal sahaja. Perbuatan yang tersebut itu sudah tentu sekali menimbulkan beberapa kesulitan kepada pihak Polis dan Pendaftar Kereta-kereta Motor apabila terjadi sesuatu kemalangan jalan raya dan terpaksa mengambil masa yang sangat lama bagi mengesan tuan-punya kereta berkenaan itu kerana nombor kereta menunjukkan kereta itu berdaftar di dalam sebuah negeri sementara tuan-punya yang betul tinggal di lain negeri.

Tindakan patut diambil terhadap mereka yang memiliki kereta-kereta motor yang mempunyai daftaran di negeri yang lain dan satu undang-undang diadakan mewajibkan kepada semua tuan-punya kereta motor yang bertukar tempat tinggal dari satu negeri kepada satu negeri yang lain melapurkan pertukarannya kepada Pendaftar Kereta-kereta Motor di negeri di mana ia tinggal pada masa itu dan satu peruntukan hukuman berat hendaklah disediakan kepada sesiapa yang didapati melanggar peraturan tersebut.

Saya juga mencadangkan bahawa semua pemandu-pemandu yang menjalankan kereta lori jenis berat supaya mematuhi had laju yang ditetapkan kepada sesebuah lori itu dan tidak boleh memandu lebih laju daripada itu.

Pengguna-pengguna jalanraya boleh mengaku bahawa pada masa ini tiada satu lori pun yang mengikut had laju yang dikenakan kepada mereka. Dengan itu, kemalangan di jalanraya telah meningkat naik dan tiada siapapun yang dilanggar oleh lori ada harapan menyelamatkan diri.

Saya juga mengesyorkan bahawa Ahli-ahli Jawatankuasa Trafik peringkat Daerah hendaklah dilantik juga dari orang-orang awam yang layak kerana segala masalah orang ramai juga dapat dikaji dengan mendalam dan saya menyokong penuh Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2) ini.

4.24 *ptg.*

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mendengar pandangan-pandangan yang diberi oleh saudara saya Yang Berhormat Datuk Mohd. Tahir Majid tadi barangkali seolah-olah ia tidak bersetuju diadakan undang-undang memakai talipinggang keledar ini.

Bila saya dengar begitu yang saya katakan seolah-olah dia tidak bersetuju, saya juga teringat kepada kepercayaan kita sendiri sebagai orang Islam yang memang kita terpaksa memegang bahawa tiada siapa pun atau tidak ada mana-mana kuasa pun dalam dunia ini yang boleh mencegah atau mengelakkan diri daripada takdir. Kalau takdir dia hendak mati dengan kerana pelanggaran, dia mesti mati. Jadi tidak usahlah taruh keledarkah, safety-beltkah tidak boleh jadi, mesti mati. Itu kepercayaan kita. Cuma kita sekarang ini hendak cuba mengurangkan, kalau boleh, kalau Tuhan hendak berkenankan ikhtiar kita tadi. Jadi saya rasa sekarang salah satu daripada jalannya ialah menasihatkan pemandu-pemandu dan juga passengers sekali supaya memakai talipinggang keledar ini barangkali oleh kerana ada talipinggang ini mungkin kemalangan jiwa itu boleh kurang, kecederaan itu akan kurang, bukannya kurang kemalangan, kemalangan kalau dia hendak berlaku, dia berlaku juga, hanya boleh mengurangkan kecederaan kepada orang yang terlibat di dalam kemalangan begitu.

Jadi dalam masalah kemalangan dan accident tadi, ianya ada tali-menali dengan keselamatan. Maka saya rasa yang utama sekali bagaimana yang telah dinyatakan oleh saudara-saudara saya yang lepas kawalan adalah lebih penting lagi dijalankan dengan sepenuh-penuhnya supaya kemalangan-kemalangan ini kurang berlaku dan kita tahu kebanyakan kemalangan-kemalangan ini ialah disebabkan selain daripada takdir tadi ialah kerana kecuaiannya pengguna-pengguna jalanraya dan ada juga disebut-sebutkan

dengan sebab penyalahgunaan kuasa menggunakan jalanraya tadi dengan sebab muatannya lebih, kelajuan yang lebih daripada had ataupun sebagainya. Maka pernahkah kita mengkaji apa sebab mereka memuat lebih samada passenger lebih kalau basnya, ataupun barang-barangnya lebih muatan daripada yang dihadkan oleh lori-lori pengangkutan dan sebagainya. Ini adalah berbagai kemungkinan boleh berlaku demikian. Misalnya, berkenaan dengan lori, saya pernah bercakap-cakap dengan tuan-tuan punya lori, bertanya apa sebabnya yang awak suka memuatkan lebih sedangkan bila sahaja tertangkap dendanya adalah terlalu berat.

Saya pernah diberitahu misalnya sebuah lori datang ke Kuala Lumpur daripada Pantai Timur, katakanlah dia muatkan papan lebih sedikit daripada tonnage. Apa yang saya tahu, kalaulah lori itu tonnagenya boleh muat 7 tan, dia pun ambillah papan muatannya 7 tan, tetapi kerana menyebabkan kemalangan, dia ditahan oleh polis di sini, ditimbang, maka tentulah ianya lebih daripada 7 tan sampai dua tiga tan lebih. Mereka telah menyatakan kehairanannya. Dia kata dia bawa 7 tan tetapi bila ditimbang di sini, salah. Memanglah salah kerana berlainan. Tujuh tan muatan barang-barang biasa dengan 7 tan papan ataupun kayu adalah berlainan sama sekali, sebab tan kayu dikira inci sedangkan tan barang-barang lain dikira timbangan. Jadi di sinilah mereka telah jadi serba salah dan menjadi victim kepada Undang-undang yang tidak begitu licin. Dendanya adalah terlalu besar, sampai \$1,000 kepada driver, \$1,000 kepada tuannya lori misalannya. Ini juga satu perkara yang patut menjadi kajian kepada pihak Kementerian. Mungkin disebabkan denda ini terlalu besar maka mereka berani mencuba lagi kerana hendak menutup (cover) balik perbelanjaan denda-denda yang telah dikenakan tadi. Katanya kalau mereka mengikat muatan sebagai biasa yang ditetapkan sahaja semua lori akan bengkerap, tidak cukup belanja. Ini menurut kata mereka. Ini juga saya harap boleh menjadi kajian kepada pihak Kementerian, kalau betul keadaan begitu bolehkah tidak, keadaan lori sekarang ini kalau kita benarkan 5 tan hari ini dinaikkan sedikit kebenaran itu, jadikan 7 tan misalannya, jangan sampai boleh membahayakan. Mungkin dengan kerana itu barangkali mereka dapat lega sedikit dan lebih mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

Begitu juga bas-bas misalannya. Katanya 44 berdiri tetapi kalau kita pergi check di Jalan Ampang, kadang-kadang saya fikir dekat 100 yang berdiri bergantung ayung kata orang. Begitu juga di bandar-bandar lain bukan di ibukota sahaja, langsung tidak dibenarkan berdiri tetapi berdiri juga orang itu kerana hendak mengejar kepada pendapatan. Lagi sekali perkara pendapatan. Ini saya cuba bertanya maka mereka ini telah menyalahkan Kementerian yang terlampau lama hendak memimbangkan sesuatu. Kalau tidak salah dua hari lepas saya baca surat-khabar ada beberapa puluh syarikat bas hendak menaikkan tambang di ibukota kerana permohonan mereka menaikkan tambang untuk menseimbangkan dengan perbelanjaan yang telah naik dua kali ganda daripada masa ia mula ditetapkan sewaan tambang dahulu, Kementerian tidak dapat memberi keputusan sehingga sampai hari ini, sudah lebih setahun. Sehingga mereka cuba hendak mengambil tindakan menaikkan tambang sebanyak 5 sen. Kepada kita 5 sen ini tidak seberapa kalau memimbangkan kepada kemudahan sebab 5 sen hari ini hendak beli apa?—rokok sebatang sahaja yang boleh dan tidak menjadi soal lagi. Untuk kemudahan, saya rasa patutlah pihak Kementerian mengambil tindakan yang segera menyelesaikan masalah ini. Kementerian keluaran amaran, kalau ambil tindakan itu pihak Kementerian akan mengambil tindakan balas. Baik, apa kata kalau mereka meneruskan cadangan mereka, kesemua syarikat-syarikat bas ini akan menaikkan tambangnya, adakah pihak Kementerian sanggup menangkap semua bas itu kemudian mereka harus akan memberhentikan semua perkhidmatan, apa akan berlaku? Mereka akan memberhentikan semua perkhidmatan kerana dia kata dia tidak tahan lagi, dia sentiasa menanggung kerugian, dengan kenaikan minyaknya, kenaikan sparepartsnya, kenaikan gajinya, macam-macam berlaku.

Di Trengganu hari ini Syarikat Trengganu bas mogok, barangkali Menteri pun tidak tahu lagi, saya dapat talipon tadi, di Trengganu hari ini mogok kerana perselisihan mereka tidak dapat diselesaikan. Minta naik gaji kemudian dibawa ke tengah, pihak Mahkamah Perusahaan telah menetapkan pihak bas mesti bayar arrears beberapa tahun, yang melibatkan hampir ratusan ribu. Pihak company kata kalau dia bayar nanti, keputusannya dia bengkerap—betul bengkerap, kerana selalunya Mahkamah Tengah

ini dia mesti masuk sebelah buruh, orang-orang bawah, dia kata taukeh ini mesti kaya semua, dia tidak kira taukeh itu ada setengahnya makan pasir, bank yang kaya yang sebenarnya, kerana dia gunakan duit bank, bayar bunga tiap-tiap bulan. Ini sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya menyel Leweng, minta maaf sedikit.

Jadi saya harap perkara-perkara seumpama ini menjadi sebab musababnya membawa kepada kemalangan, itu maksud saya. Jadi tolonglah kaji daripada segenap aspek, segenap pihak dan segenap segi.

Berkenaan dengan talipinggang keledar ini, saya adalah menyokong patut kita adakan undang-undang sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kecederaan sebagaimana yang dikatakan tadi. Sebab saya dapati negeri-negeri lain banyak yang telah menggunakan undang-undang ini yang menentukan mesti dipakai, kalau tidak pakai menjadi kesalahan. Kalau ada sahaja tidak dimasukkan pun telah menjadi kesalahan, ini memang ada dijalankan di negeri-negeri lain yang telah maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kalau boleh pelaksanaan pengawalan itu patutlah diketatkan dan kalau saya tidak silap tidak berapa lama dahulu ada ditimbulkan masalah kelajuan pemandu-pemandu lori di jalan Federal Highway Pantai Timur yakni dari Pahang ke Kuala Lumpur. Dahulu pernah kita bahaskan perkara itu dan pihak Menteri telah mengatakan dia akan menubuhkan satu squad yang sentiasa meronda jalan-jalan ini untuk memberi peringatan dan mengambil tindakan di atas pemandu-pemandu yang tidak menghormati kod-kod keselamatan jalanraya. Tetapi saya dapati pada hari ini keadaan-keadaan ini masih lagi berlaku dengan berleluasa terutama sekali di jalan-jalan atas bukit yang sempit. Lori-lori balak yang besar-besar ini sedikit pun tidak mengambil hirau pemandu-pemandu kereta kecil yang mereka agak tentulah kalau berlaku kemalangan selalunya yang cedera, yang mendapat parah ialah kereta-kereta kecil. Ini sangat-sangatlah banyak berlaku dan saya harap pihak Kementerian cuba, kalau tidak cukup lagi squad itu tambahkanlah supaya lebih dan banyakkannya kawalan-kawalan patrol. Kalau boleh biar setiap hari ada rondaan. Mana-mana yang melanggar, yang tidak menghormati orang lain, pengguna jalanraya yang sama mestilah ditahan dan kalau boleh gantungkan lesen mereka. Ini

yang lebih berkesan saya rasa daripada denda. Kalau bayar denda, dia bayar hari ini, dia cari ikhtiar lain, sekejap dia dapat ganti wang itu, tetapi kalau digantungkan lesen mereka ini, dia tidak dapat cari makan dalam masa yang tertentu. Dengan cara ini, saya rasa pihak-pihak yang cuai ini akan lebih takut dan lebih berjaga-jaga untuk keselamatan dan untuk kehidupannya sehari-hari.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.38 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Perbahasan disambung semula

4.55 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian di dalam membahaskan masalah pindaan Ordinan Lalulintas 1958 yang memasukkan lapan perkataan sahaja, tetapi kita sudah membahaskan perkara ini hampir satu hari dan saya harap Menteri yang berkenaan tidak berkecil hati kerana saya mengambil bahagian di dalam perbahasan yang mengandungi lapan perkataan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana ramainya Ahli yang bercakap bukanlah masalah talipinggang keledar tetapi yang kebanyakannya bercakap ialah berkenaan dengan keselamatan jalanraya, termasuk saya juga barangkali akan bercakap dalam masalah itu. Walaupun perkara pindaan yang didatangkan untuk memasukkan perkataan yang dikehendaki memakai talipinggang keledar kepada pemandu dan orang yang duduk di hadapannya, di mana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri bahawa penguatkuasaan menggunakan talipinggang keledar ini, kalau tidak

silap saya, ialah pada mulai 1hb November tahun ini kalau siapa yang membeli kereta baru.

Saya harap walaupun ada rakan saya bercakap tadi, kalau tidak silap saya perkara ini berlaku di zaman pemerintahan Mr MacMillan menjadi Perdana Menteri British di mana Rang Undang-undang seperti ini di bawa ke dalam Dewan Pertuanan, masa itu Dewan Pertuanan British menolak Rang Undang-undang itu. Jadi, saya memikirkan Dewan Negara tidak akan menolak kerana demokrasi kita adalah demokrasi ala-Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum penguatkuasaan ini dapat dijalankan pada tarikh yang ditetapkan, saya harap pihak Kementerian mengkaji semula tarikh ini supaya tidak memberatkan pembeli-pembeli kereta dan pihak Kementerian bolehlah mensyaratkan kepada pengeluar-pengeluar kenderaan supaya mesti memasang talipinggang keledar lebih dahulu sebelum kereta ini dijual.

Kemudian pada kereta-kereta yang lain ini patutlah ditimbangkan berperingkat-peringkat terutama barangkali hendak dikecualikan macam motosikal susah sedikit kerana kereta ini tidak dapat kita tentukan samada dia masuk bandar ataupun tidak. Perkara ini patutlah pihak Kementerian menimbangkan dengan sehalus-halusnya kerana kalau sekiranya dikuatkuasakan dengan begitu terburu-buru saya takut pengedar-pengedar talipinggang keledar akan mengambil kesempatan ini untuk menjualkan kepada orang ramai dengan harga yang tidak berpatutan kecuali pihak Kementerian dapat menetapkan harga yang maksima. Kalau tidak tentulah ada mereka yang terkorban oleh mereka yang hendak mencari keuntungan.

Di dalam masalah menggunakan talipinggang keledar yang saya katakan lapan perkataan tambahan tadi tetapi banyak telah bercakap, sepatutnya satu undang-undang khas dibuat tidak dipinda pada Ordinan Lalulintas ini dengan memasukkan lapan perkataan sahaja iaitu meminta supaya kereta menggunakan talipinggang keledar bagi pemandu dan orang yang duduk di hadapan. Itulah tidak dapat barangkali rakan-rakan saya memberi pandangan lebih jauh sekadar banyak menyentuh tentang kemalangan yang berlaku di atas jalanraya. Tujuan Undang-undang ini baik iaitu cuba mengelakkan kemalangan teruk kepada mereka yang kena kemalangan, bukanlah untuk mengelakkan

kemalangan menggunakan talipinggang keledar ini. Kalau seorang itu terlibat di dalam kemalangan dengan adanya menggunakan talipinggang keledar ini mungkin kecederaan yang didapati oleh mereka yang menggunakannya agak ringan. Tetapi kepada orang yang duduk sebelahnya rumit juga barangkali kerana sebelah tempat duduk itu akan dipasang satu talipinggang keledar, bererti kalau saya membawa isteri saya, anak saya tidak boleh duduk sama dengan isteri saya di hadapan kerana talipinggang keledarnya satu, macam mana hendak memakaikan anak dan isteri saya yang duduk di situ, terpaksa pula saya kena pakai seorang gaji untuk menjaga anak yang duduk di belakang. Masalah kemalangan jalanraya ini selalu benar kita sebutkan dalam Dewan ini, tiap-tiap kali pindaan Undang-undang Lalulintas ataupun Undang-undang yang ada kaitan dengan lalulintas, kita bercakap, kita menyuarakan perkara-perkara yang berlaku di tengah jalan. Semenjak daripada Kementerian ini dahulu dijaga oleh Kementerian Perhubungan, hari ini sudah bertukar pula di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, masalah ini saya rasa tidak juga dapat diselesaikan, tetapi dengan adanya pindaan yang didatangkan ini saya harap perkara ini dapat diselesaikan kerana apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat sama sahaja iaitu lori-lori yang besar-besar menggunakan jalanraya tidak mengikut peraturan, bas lari begitu laju walaupun di badan bas itu dituliskan 35 batu satu jam ataupun lori balak hadnya 25 batu satu jam.

Saya biasa ikut jalan Seremban ke Kuala Lumpur ini kalau hendak potong lori kayu balak, kalau tidak lari selaju 65 batu satu jam jangan harap hendak potong kecuali ketika sedang mendaki bukit. Ini perkara yang benar-benar berlaku dan apakah tindakan pihak yang berkenaan? Bila lori ini sudah bersaing tiga buah, mereka rapat, kalau kita hendak memotong terpaksa potong tiga buah lori sekali walaupun pemandunya tidak ada civic-minded. Apa yang tidak dapat dinafikan kepada pemandu lori-lori yang membawa minyak mereka adalah bertimbang rasa sedikit, bila ada lapang dia tahu kita ada di belakang dia beri signal suruh potong tetapi kalau lori balak dan lori bawa barang ini jangan harap, kalau tidak boleh potong janganlah potong. Samada pihak Kementerian ini mengambil tindakan atau memerintahkan pihak polis, tetapi pihak polis tidak terdaya oleh kerana polis kita hari ini banyak

benar tugasnya. Tuan Yang Terutama Tun Haji Sardon semasa menjadi Menteri Perhubungan dahulu telah berjanji, beliau akan mengadakan mobile squad daripada kereta Alfa Romeo yang lebih laju hingga hari ini tidak berjumpa. Tun Haji Sardon telah menjadi Gabenor Pulau Pinang, maka Police Squad untuk mengintip deras laju mereka yang memandu ini hingga hari ini tidak ada, kalau Timbalan Menteri yang berkenaan hendak tahu, tolonglah semak balik *Hansard* yang ada kaitannya dalam Dewan ini, ada dijanjikan oleh Menteri Perhubungan pada masa itu.

Berkenaan dengan lori ini susahlah kita hendak cakap sebagaimana yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Datuk Syed Kechik, mungkin mereka ini lari laju kerana ada komisyennya, selain daripada gaji yang dibayar kepadanya kalau dapat lebih satu trip boleh jadi dapat \$10 komisyennya. Ini juga menyebabkan pemandu-pemandu lori ini lari laju kerana hari ini zaman-matabenda, kerana zaman matabenda ini semua orang hendakkan wang kerana hendak mencari matabenda, dia tidak peduli, siapa yang kecil habislah dia landa. Juga lori yang membawa kayu balak ini jangan harap dia hendak ketepi hingga rodanya itu masuk ketepi jalan yang tidak berbatu itu pun, tidak dipedulikan. Saya telah bertanya kepada pemandu-pemandu lori: "Mengapa lori balak ini tidak mahu ketepi? Jawabnya, tidak boleh Yang Berhormat, kalau lori termasuk sedikit ke rumput, kami mati". katanya, Betul juga. Jadi mana patut kita kawal?

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau kita tidak dapat di Malaysia ini mencari jalan bagaimana hendak mengawal cuba kita hantar pegawai-pegawai kita ke negeri yang lebih maju. Saya tertarik hati ada sebuah negeri yang saya ada pergi tiga bulan di sana iaitu Saudi Arabia, banyak kekurangan orang kena langgar kerana hukumannya terlampau berat. Kalau sekiranya pemandu melanggar orang dan mati, tidak ada bicara apa-apa hukumannya mesti mati. Tetapi kita di Malaysia ada hukuman; sukalah saya nyatakan perkara ini mengenai perkara yang sudah lepas, tengok pada pelanggaran itu betul si "A" salah, kerana dia masuk line sebelah melanggar orang, orang yang dilanggarnya itu mati. Apabila dibicarakan dia lepas.

Ini semua barangkali menyebabkan pemandu-pemandu tidak mengindahkan peraturan-peraturan yang kita buat. Boleh jadi kerana sistem kita menggunakan insuran inipun agak saya menyebabkan tuannya kereta tidak sayang kepada keretanya bila masa perlanggaran berlaku insuran boleh bayar. Lebih kurang \$200 atau \$300 sahaja dia bayar, kemudian yang lain itu semua insuran bayar. Ini menyebabkan tuannya kereta ini tidak berlanggar keretanya. Tentang lori ianya tidak takut kerana 10 lori berlanggar, kalau ada satu atau dua orang sahaja pemandunya yang cedera melainkan kereta yang berlanggar dengan dia itulah yang akan menerima kemalangan yang teruk. Saya fikir kalau kita banyak pun membuat undang-undang kalau tidak kita laksanakan dengan sempurnanya undang-undang ini tidak ada faedahnya. Saya katakan begitu tentulah Kementerian sudah menetapkan lori ini tidak boleh lari lebih daripada 25 b.s.j. tetapi kita tidak jumpa yang lori-lori 25 b.s.j. Tindakan nya tidak ada. Apakah ertinya? Lebih baik tidak usah tulis, dia boleh lari sampai berapa kuat lajunya dan Kementerian Penerangan hari inipun rasa saya dia sedang kempen supaya orang lari kuat. Cuba tengok dalam gambar, bila satu orang itu lari perlahan ikut jalan sebelah kanan, "Eh mengapa pak cik ini lari perlahan, ikutlah sebelah kiri" Ini bererti Kementerian Penerangan suruh orang lari laju-laju (*Ketawa*). Kata dia, apa fasal pak cik ini lari perlahan walhal had laju sudah ditetapkan. Rasa saya had laju itu tidak boleh melebihi, tak tahulah saya kalau ditaruh 50 b.s.j. di situ boleh lari sampai 80 b.s.j. tetapi Kementerian Penerangan malam tadi saya jumpa lagi, tidak tahu samada malam ini ada ataupun tidak cubalah Ahli Yang Berhormat semua amati betul-betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menyokong Bil ini kerana protokolnya begitu, kalau tidak, barangkali sayalah satu orang yang tidak berapa setuju tetapi kerana protokol, saya sokong Bil ini untuk diluluskan.

5.13 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat gemar bercakap dalam Bil Lalulintas Jalan sebab saya selalu melalui jalan dengan sebab itu izinkanlah saya bercakap sepatah dua, kadangkala menegur atau memberi ingatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalam kemalangan jalanraya ada banyak perkara yang patut kita kajikan. Saya mengesyorkan supaya lesen percubaan yang sekarang ini cuma dihadkan kepada 3 bulan hendak dilanjutkan kepada setahun kerana pada hari ini pemandu lebih banyak daripada kereta yang dipandu. Adalah menjadi dasar Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam mengambil atau mencari hasil berlebihan daripada sepatutnya. Dengan ikhtiar-ikhtiar yang saya sebutkan tadi mungkin kita boleh mengurangkan pemandu daripada memenuhi di jalanraya-jalanraya di negara kita. Saya tidak perlu mencadangkan supaya pemandu tua yang mempunyai lesen dikaji, difikir supaya diuji kepandaianya 5 tahun atau 7 tahun sekali sebab kadang kala oleh sebab ada lesen itu menjadi satu senjata yang kita boleh memandu di jalanraya-jalanraya dan kalau ikhtiar ini difikirkan patut maka saya menyarankan kepada Kementerian. Saya masih ingat dahulu kita sudahpun buat satu Undang-undang, iaitu kuatkuasa topi keledar kepada motosikal dalam negara kita pada hari ini belum dikuatkuasakan keseluruhan negara kita ini. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada bandar-bandar kecil di dalam negara kita ini belum dikenakan kuatkuasa topi keledar kepada motosikal. Saya fikir ada baiknya yang ini dahulu kita isytiharkan ke seluruh negara, bahawa penunggang motosikal mesti menggunakan topi keledar mulai 1-1-1978.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita masih ingat pada masa Undang-undang Topi Keledar diisytiharkan, dijalankan kuatkuasa pada sekian haribulan. Tiba-tiba kuatkuasa itu ditangguhkan kepada satu ketika. Jadi industri membuat topi keledar sepanjang yang saya difahamkan ada dua yang bengkerap. Saya tidak harap pisang berbuah dua kali dengan kita luluskan Bil ini adalah industry yang membuat talipunggang keledar tetapi oleh sebab kena rayuan barangkali daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim ataupun daripada Yang Berhormat Senator-senator di sini maka Kerajaan menangguhkannya pula. Tidak sihat dalam pelaburan modal atau menjemput pelabur-pelabur melabur dalam negara kita kerana akhirnya perkataan "SIM" itu sudah diterjemahkan kepada perkataan "Sardon Ingin Maju". Itu satu ingatan dan pandangan saya yang ikhlas kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam supaya pisang tidak berbuah dua kali.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, Bil kita ini terlampau progres, terlampau advance lebih daripada England sendiri. Di England masih belum dikuatkuasakan teksi menggunakan talipinggang keledar tetapi kita akan kuatkuasa, tarikh akhirnya ialah 1-1-1979 iaitu mulai daripada 1-6-78 sehingga 1-1-1979, itulah masa peralihan yang tiap-tiap teksi mesti mengadakan talipinggang keledar. Di England sendiri sehingga hari ini teksi-teksi di London masih belum berkuatkuasa pakai talipinggang keledar. Jadi kadang-kadang kita lebih cepat daripada orang yang cepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyambung ucapan sahabat saya Yang Berhormat Datuk Syed Kechik. Saya bersetuju bahawa melekatkan talipinggang dalam kapalterbang itu bukannya tidak tahu, cuma menanti pramugari yang jelita melekatkan talipinggang ini di tempat duduk dalam kapalterbang itu kerana pramugari-pramugari ini orang yang lebih cantik, dipilih istimewa, jadi mana ada peluang hendak dekat kalau tidak ada kesempatan hendak melekatkan talipinggang. Daripada cerita talipinggang kapalterbang kuatkuasa ini dikenakan pula kepada teksi. Dreber teksi ini nanti dia ambil peluang hendak melekatkan talipinggang kepada penumpang yang disebelahnya itu. Inipun boleh jadi penyakit masyarakat dalam negara kita timbul. Saya tidak menuduh pemandu teksi akan berbuat demikian, tetapi kalau tidak tahu patut dibantu, apa hal kalau sudah berapatan dan secara ikhlas tersentuh, mengikut Islam, Tuan Yang di-Pertua, batal air sembahyang kecuali muhrim. Ini perkara yang patut ditimbang oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bila bercakap mengenai topi keledar ini saya menyokong Undang-undang ini, tetapi pada saya Bil ini lemah kerana kaedah-kaedahnya tidak di zahirkan. Apa kisahnya kalau lepas daripada 1-1-1979 ada kereta-kereta yang tidak melekatkan talipinggang keledar? Saya fikir tentulah Yang Berhormat akan membawa semula ke Dewan ini apa penaltinya. Jadi, saya nampak ada kelemahannya sedikit. Saya bukannya seorang ahli undang-undang, tetapi saya mengikuti undang-undang. Yang sepatutnya pindaan yang seperti ini harus disertai dengan penalti supaya perkara ini tidak dibawa ke Dewan ini beberapa kali dan kalau sekiranya banyak Ahli Dewan

bercakap tidaklah Menteri mengatakan: ini satu Bil yang kecil sahaja pindaannya maka banyak sangat Ahli Yang Berhormat hendak bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya hendak bertanya, apa halnya kalau kereta yang lebih umur. Yang dirakamkan di sini tadi ialah cuma kereta yang didaftarkan dalam tahun 1967. Ada sahabat-sahabat kita ataupun orang kita dalam negara ini yang keretanya didaftarkan dalam tahun 1934. Bolehkah kereta itu melalui jalanraya di negara kita ini, sebab umpamanya di England, orang Inggeris ialah satu bangsa yang suka menyimpan barang-barang lama (antik) dan dalam Dewan kita inipun atau dalam negara kita pun banyak orang yang suka menyimpan barang-barang lama, bahkan di Kuala Lumpur ini boleh kita dapati kereta-kereta yang didaftarkan tahun 1932, tahun 1934. Apa halnya kereta ini, sebab kuatkuasa ini cuma bermula pada kereta yang didaftar pada tahun 1967 sahaja. Adakah kereta ini bebas? Atau tidak akan dikeluarkan lagi pendaftaran atau disambung pendaftarannya. Kereta walau bagaimana antik sekalipun dia mesti berjalan. Kalau ditinggal, digantung, sudah hilang keistimewaan antik itu dan dia mesti melalui jalanraya bahkan kita berasa bangga kalau ada rakyat dalam negara kita ini yang menyimpan kereta-kereta lama seperti suatu perkara yang menjadi bahan sejarah bahawa di negara kita ini juga masih ada kereta yang lama yang patut kita boleh banggakan. Inilah satu dua pertanyaan saya dan saya mohon mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya menyokong Bil ini.

5.25 ptg.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini kerana ada beberapa sebab.

Menurut Timbalan Menteri yang berkenaan dalam penerangannya dengan memakai talipinggang keledar ini mengurangkan kecederaan yang terok dan mengurangkan kematian. Saya bersetuju. Sebab mengikut pengalaman saya pada tahun 1969 saya berjumpa satu kemalangan kereta, pemandunya itu memakai talipinggang keledar, kurang terok tetapi malangnya talipinggang keledar itu putus. Oleh sebab itu, saya minta kepada Yang Berhormat Menteri

yang berkenaan apabila kilang-kilang yang hendak menjualkan talipinggang keledar ini kepada umum hendaklah diperiksa betul-betul, jangan sampai putus dan diberitahu SIM dan SIM pun mestilah bekerja betul-betul supaya talipinggang keledar yang betul-betul bermutu dijual kepada orang ramai dan menyelamatkan pemandu-pemandu.

Selain daripada itu, tadi ada juga sahabat-sahabat kita mengatakan di England teksi tidak memakai talipinggang keledar, teksi di sini memakai talipinggang keledar. Saya fikir ada juga bezanya, sebab di England barangkali drebar-drebarnya lebih berkebudayaan, lebih berbudi bahasa, jadi dia membawa teksi itu dengan cermat, jadi payah berlaku kemalangan, tetapi di sini nampaknya tidak begitu. Jadi, bila menyentuh perkara ini saya memuji orang di England itu. Barangkali orang England ada seorang di dalam Dewan ini—dia tersenyum. Ini benar rasa saya. Sebab orang di sana sudah dididik cara berbudi bahasa mulai daripada rumah tangganya, tetapi ada juga yang kurangnya. Apabila memperkatakan dalam hal talipinggang keledar ini, saya teringat juga hal keselamatan jalanraya sebagaimana yang diceritakan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Rahim tadi. Banyak di antara Yang Berhormat Yang Berhormat menerangkan sebab itu, sebab ini yang menjadi kemalangan, lari kuat dan sebagainya, tetapi saya teringat ada satu perkara oleh kerana dreber-dreber atau pemandu-pemandu ini dan juga kita ini manusia, apabila disebut manusia kita teringat perkataan kemanusiaan. Apabila kita teringat perkataan kemanusiaan kita teringat budi bahasa. Bahasa Melayu mengatakan budi bahasa. Nampaknya, apa yang saya perhatikan selama saya sudah memandu hampir 20 tahun ini drebar atau pemandu-pemandu kita ini makin hari makin kurang budi bahasa di jalanraya. Egonya bertambah besar dan dia tidak mengira orang lain. Agak saya ini salah satu daripada sebab yang menjadikan kemalangan. Misalnya, seorang baru membeli kereta, katalah, sebuah kereta Mercedes Benz 200D, kemudian seorang lagi membeli sebuah kereta Alfa Romeo 2,000 c.c. Menurut keyakinan dia, bahawa kereta aku ini lebih kuat larinya daripada kereta Mercedes Benz. Jadi, diapun tekan minyak sekuat-kuat hatinya, jalan pun elok sedikit, sebab Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kerajaan hendak membuat jalan besar-besar. Jadi, dia cuba memotong

Kalau dapat dipotongnya dengan tidak memberi horn lagi, tiba-tiba berdesup lepasnya itu, dia merasa berjaya. Dia pun buka dada, ini macam! Jadi dengan ego semacam ini bukan manusia sudah tidak berperikemanusiaan, tetapi kurang budi bahasa di jalanraya.

Masa dahulu sewaktu saya belajar dengan guru saya, guru saya itu orang tua. Kata dia, bila kita hendak memotong di jalanraya mesti horn sedikit beritahu dan kawan itu boleh ketepi sedikit dan kita potong, sebab kita hendak cepat. Tetapi orang sekarang kalau kita horn, dia marah, dia tekan minyak pula. Dia kata, kereta dia saja yang kuat, kereta aku tak kuatkah? Akhirnya berberlanggar dengan lori dan tiga orang mati. Akibatnya doktor pun susah, Menteri pun susah, Dewan ini pun selalu bercerita perkara itu sahaja, kerana kekurangan budi bahasa di jalanraya. Setengah-setengah pemandu yang tua kebanyakannya faham, bila kita hendak potong, kita horn, dia lepaskan kita, kemudian kita angkat tangan, diapun "ting" maknanya terima kasihlah itu (*Ketawa*). Jadi dengan itu orang yang lepas itupun sedap hati, orang yang melepaskan itupun sedap hati. Kalau hati sudah sedap, semuanya bagus. Jadi perasaan cinta dan kasih sayang di antara sesama kita akan berlaku. Sebagaimana kata Allahyarham P. Ramlee, kalau hati sudah cinta semua baik sahaja.

Saya berharap oleh sebab talipinggang keledar ini ada hubungan dengan keselamatan jalanraya, kempen budi bahasa di jalanraya hendaklah dihidupkan semula kepada pemandu kereta, terutama di kalangan pemandu muda yang egonya lebih besar. Ini patut kita serahkan kepada rakyat kita.

Saya fikir itu sahajalah perkara yang dapat saya kemukakan dan akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana ada kebaikannya.

5.32 ptg.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu ramai telah membahaskan Rang Undang-undang ini. Jadi, kami dalam Kementerian ini telah mengadakan suatu sikap terbuka terhadap keadaan kemalangan jalanraya dan apa yang dibangkitkan atau dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat hari ini dan

kelmarin akan dianggap oleh Kementerian saya sebagai suatu feedback yang sangat berfaedah, sebab Ahli-ahli Yang Berhormat seperti diterangkan tadi biasa menggunakan jalanraya dan di sini ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada pengalaman dalam pengangkutan jalan. Jadi pendapat-pendapat mereka tentu akan memberi faedah yang besar kepada Kementerian saya dan pegawai Kementerian saya Yang berpangkat tinggi termasuklah Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan yang sedang mengikuti perbincangan ini akan memberi pertimbangan berat kepada apa-apa yang telah dipertuturkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya menjawab satu demi satu apa yang dibangkitkan, barangkali ini akan memakan masa yang banyak. Jadi biarlah saya menjawab secara umum. Pertama berkenaan dengan kemalangan jalanraya dan kedua berkenaan dengan masalah bas yang dibangkitkan dan ketiga tentang Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang telah dijalankan oleh pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan, ada beberapa faktor yang terlibat dalam masalah kemalangan jalanraya. Di antaranya ialah keadaan jalan, keadaan kenderaan dan ketiga keadaan manusia sendiri. Dan barangkali di beberapa tempat kemalangan berlaku kerana jalan sempit atau jalan bengkok atau corner tak begitu baik atau defects yang lain. Maka di sini dengan sukacitanya saya hendak menegaskan bahawa Jabatan Kerjaraya yang terletak di bawah Kementerian saya sedang menjalankan pembinaan jalan atau memperbaiki jalan mengikut beberapa prinsip. Satu daripada prinsip ialah geometric, keadaan jalan samada sempit atau bengkok dan sebagainya. Misalannya jalan baru sekarang yang sedang dibina dari sini ke Karak, dari sini ke Seremban. Ini telah disebabkan oleh salah satu faktor iaitu bad geometric dan dengan jalan yang baru seperti ini kereta dapat berjalan dengan keadaan yang lebih memuaskan. Sekarang misalnya kita lihat di Templer Park itu geometric di sana tidak baik. Sekarang kita memperbaiki jalan itu. Satu rancangan sedang dijalankan dari Kuala Lumpur sehingga ke Batang Kali untuk memperbaiki jalan itu dan kita juga sedang merancang di beberapa tempat yang lain kalau kita lihat keadaan geometric itu sangat buruk sekali. Misalnya, Jabatan Kerja Raya sekarang menimbang hendak

membina satu jalan yang baru dari Ipoh sehingga Changkat Jering. Jadi dengan jalan-jalan baru itu bad geometric yang ada sekarang akan dapat dielakkan.

Satu prinsip yang lain ialah traffic volume dan kita lihat bahawa khususnya di jalan besar Pantai Barat traffic telah bertambah banyak dan survey telah dijalankan tahun lalu dan masih diteruskan untuk menetapkan traffic volume pada masa sekarang. Pembinaan jalan adalah bergantung kepada traffic volume ini. Kalau traffic volume terlalu besar, priorities lebih tinggi akan diberi.

Faktor kedua yang saya sebutkan ialah kenderaan. Barangkali steering tidak baik, brake tidak baik atau defects yang lain. Di sini seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Jabatan Pengangkutan Jalan menjalankan inspection pada masa-masa yang tertentu terhadap goods vehicles dan sebagainya. Jadi kita pun sedar seperti saya katakan tadi, Kementerian saya mengadakan sikap terbuka dalam perkara ini, barangkali kita pernah menghadapi sedikit-sebanyak kelemahan. Jadi Jabatan Pengangkutan Jalan, khususnya Ketua Pengarah sendiri sedang mengambil tindakan yang tegas supaya kelemahan itu dapat dihapuskan dan kita dapat menjalankan inspection dengan baik.

Yang ketiga, ialah manusia. Saya harap apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini akan disiarkan dengan luasnya oleh Radio, Talivisyen dan akhbar kita supaya orang ramai dapat baca dan insaf serta sedar bahawa kemalangan jalanraya merupakan satu masalah besar dan manusia haruslah memperbaiki diri sendiri, ubah sikap diri sendiri dan bukan sahaja dapat menyelamatkan nyawa orang lain seperti orang yang berjalan kaki di tepi jalan tetapi menyelamatkan nyawa diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah bas yang baharu-baharu ini dibangkitkan di dalam surat khabar, izinkan saya menerangkan bahawa Kementerian saya mengadakan sikap yang bersimpatetik sekali terhadap masalah yang di hadapi oleh pihak bas. Jadi pihak syarikat-syarikat bas telah berkata bahawa mereka menghadapi kerugian besar kerana harga minyak, harga spare parts dan bayaran ansuran telah naik. Jadi, Kementerian saya bukan menolak apa yang dikatakan oleh syarikat-syarikat bas, Kementerian saya kata kami akan membawa perkara ini kepada Jemaah Menteri, sebab

keputusan tentang tambang bas menimbulkan akibat yang luas sekali, sebab kita tahu banyak orang ramai, khasnya dari golongan miskin menggunakan perkhidmatan bas. Jadi kita telah minta daripada syarikat-syarikat bas supaya mereka menghantar akaun-akaun mereka daripada tahun 1972, 1974, 1975 dan 1976 kepada Kementerian saya dengan facts and figures supaya Jemaah Menteri boleh mengkaji dengan lebih teliti dan kita boleh mempertahankan kes mereka, kalau ada kes. Tetapi malangnya, hingga hari ini daripada 172 buah syarikat-syarikat bas yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia cuma 70 yang telah menjawab. Jadi kita tunggu jawapan daripada syarikat-syarikat bas yang lain dan untuk kepentingan mereka saya hendak merayu kepada syarikat-syarikat yang berkenaan supaya mereka mempercepatkan persiapan-persiapan akaun mereka dan hantar kepada kami untuk tindakan yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah berkata apa hendak jadi kalau mereka tidak peduli undang-undang kita dan menaikkan tambang dengan suka hatinya. Di sini saya hendak tegaskan bahawa sesiapa yang menaikkan tambang bas tanpa authorisation atau permission daripada Kementerian saya adalah membuat satu kesalahan di bawah Seksyen 120 Road Traffic Ordinance dan pihak yang berkenaan boleh prosecute mengikut Rang Undang-undang ini. Sebagai satu langkah yang stand-by Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan telah disediakan dan pada pagi 15hb Ogos mereka akan naik bas-bas yang berkenaan supaya menentukan adakah tambang itu akan dinaikkan atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa Kementerian saya tidak mahu berkonfrantasi dengan syarikat-syarikat bas, sebab seperti saya katakan tadi kita mahu mempertahankan kes mereka dan mempersembahkan kes mereka kepada Kabinet, tetapi Kabinet perlukan facts dan figures. Kalau rugi, Kabinet hendak tahu berapa banyak rugi; kalau hendak naik tambang bas begitu banyak mengikut keadaan yang tepat sekali. Jadi saya hendak menerangkan bahawa pihak syarikat bas dapatlah bekerjasama dengan Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Rang Undang-undang ini beberapa Ahli Yang Berhormat telah memberi sokongan

yang kuat bagi pihak Kementerian saya ucapkan ribuan terima kasih. Seorang Ahli Yang Berhormat ini telah quote beberapa pakar-pakar perubahan untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Jadi saya ucapkan terima kasih. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menegaskan dan membangkitkan soal kualiti. Adakah talipinggang keledar ini dibuat dengan baiknya, adakah mutunya atau kualitinya. Jadi, di sini saya hendak menegaskan bahawa guardian quality di negara ini ialah SIRIM. Yang Berhormat Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar telah memberi jaminan bahawa SIRIM mengadakan satu standard yang didasarkan atas prinsip-prinsip atau criteria antara-bangsa. Jadi kita boleh menerima bahawa kualiti atau mutu yang dijaga oleh SIRIM adalah yang paling tinggi. Jadi kita tidak payah merasa kuatir tentang kualiti talipinggang keledar kita.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Seri Hussein Noordin semalam telah berkata barangkali talipinggang keledar ini tidak dapat mengelakkan kemalangan jalanraya. Ini memang benar kerana tujuan talipinggang keledar ini bukanlah untuk mengelakkan kemalangan jalanraya dari berlaku, bahkan pemakaian talipinggang keledar tidak dapat mengelak dan tidak dapat menjamin kemalangan dari berlaku. Apa yang talipinggang keledar boleh buat ialah mengurangkan kemungkinan kecederaan atau kematian akibat kemalangan jalanraya. Jadi tujuannya ialah menyelamatkan manusia yang duduk di hadapan kereta yang berkenaan.

Tadi ada Yang Berhormat Datuk Mohd. Tahir menyoal bolehkah talipinggang keledar menjamin menyelamatkan dengan sempurna keselamatan manusia, saya ingat memang tidak boleh, dan saya pun tidak tahu apa yang boleh menyelamatkan manusia daripada kemalangan kecuali kalau kita tinggal di rumah kita tidak menggunakan langsung jalanraya; di rumah pun tidak terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad telah menyoal tentang kategori yang dikecualikan. Di sini saya hendak mengumumkan bahawa selepas Rang Undang-undang ini diluluskan, pihak Menteri berkuasa untuk membuat kaedah-kaedah yang tertentu, dan di antara kaedah-kaedah yang kita cadangkan ialah satu yang akan mengecualikan beberapa kategori daripada Rang Undang-undang ini. Salah satu daripadanya ialah goods vehicles dengan

m.p.l.w. yang melebihi 40 cwt. (goods vehicles having a maximum permissible laden weight exceeding 40 cwt.) Kategori yang kedua ialah motor vehicles dengan tempat duduk yang melebihi 14 termasuk tempat duduk pemandu kenderaan itu. Dan ketiga, kereta-kereta polis, kereta-kereta tentera, kereta-kereta bomba dan ambulan-ambulan Kerajaan. Jadi butir-butir yang lain, saya fikir akan diumumkan selepas kaedah-kaedah ini digezetkan. Ini bermakna untuk menjawab soalan Datuk Haji Ahmad Arshad bahawa teksi diwajibkan dan seperti yang telah diterangkan kita barangkali tidak ada salahnya jika kita lebih maju daripada London dalam konteks ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya tidak jawab semua. Datuk Haji Ahmad Arshad telah berkata bahawa satu kilang membuat talipinggang keledar ini pun telah disiapkan sebelum Rang Undang-undang ini diluluskan. Jadi di sini saya hendak terangkan bahawa perkara ini dibangkitkan beberapa tahun yang lalu dan Kabinet telah mengarahkan Kementerian saya supaya kita siap sedia keadaan bekalan talipinggang keledar ini dan juga memberi peluang di dalam perniagaan ini kepada pihak bumiputra. Jadi apa yang kita buat ialah mengikut arahan yang diberi daripada Kerajaan kepada Kementerian.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya berbesar hati sebab kilang itu diberi kepada bumiputra sebelum Bil ini dikemukakan. Tidakkah ini ada satu tandatanya mengapa Kerajaan tidak kemukakan kepada lain-lain bumiputra atau Syarikat-syarikat Bumiputra mereka juga berpeluang untuk mendapat faedah dari wujudnya Bil ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti Datuk Haji Abdul Razak sedia maklum perkara ini dikawal oleh Kementerian Perdagangan dan barangkali rakan saya dalam Kementerian itu dapat memberi jawapan yang lebih tepat kepada Datuk.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahim Manan telah berkata bahawa eloklah kalau Kementerian saya tidak melaksanakan Rang Undang-undang ini dengan segera. Jadi inilah tujuan Kementerian saya dan seperti saya katakan semalam Rang Undang-undang pemakaian-pemakaian talipinggang keledar ini akan dilaksanakan pada 1hb Januari, 1979. Ini bermakna kita jalankan beransur-ansur.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bahawa topi keledar kalau dapat dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia saya mengucapkan terima kasih dan Kementerian saya akan mengkaji cadangan beliau. Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak pun telah bertanya berkenaan dengan kereta-kereta lama macam kereta yang didaftarkan pada tahun 1920 atau tahun 1930. Jadi, di sini kereta yang didaftarkan sebelum 1hb Januari, 1967 akan dikecualikan daripada pemasangan talipinggang keledar.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah memberi komen-komen yang berfaedah bukan sahaja tentang Rang Undang-undang ini tetapi juga tentang keadaan kemalangan jalanraya di tanahair kita dan bagi pihak Jabatan Pengangkutan Jalan saya akan memberi jaminan bahawa kami sedang menyusun semula Jabatan ini supaya Jabatan ini dapat berkhidmat dengan lebih efektif kepada rakyat di tanahair kita.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kriteria berkenaan dengan dikecualikan memakai talipinggang keledar ialah pemandu-pemandu kereta polis, pemandu-pemandu kereta askar, ambulan dan begitu juga jentera-jentera yang 40 cwt. ke atas. Pemandu-pemandu ini, saya hendak tahu mengapa dikecualikan, adakah disebabkan mereka ini pemandu datangnya daripada pihak Kerajaan, kerana mereka juga manusia biasa. Adakah mereka ini dianggap sebagai superman? Jadi saya hendak tahu mengapa sebahagian daripada ini dapat dikecualikan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soal yang dibangkitkan ini kita kembali kepada masa soal jawab dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pemandu-pemandu kereta yang saya sebutkan tadi dikecualikan, mereka juga digalak untuk menggunakan tali pinggang keledar ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN TIMAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.02 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Kawalan (Pindaan) Timah, 1977 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah dengan tujuan untuk memberi kuasa yang lebih luas kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas bijih timah untuk mencegah mengawal dan menghapuskan kegiatan-kegiatan penyeludupan bijih timah ke luar negeri.

Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum bahawa eksport timah telah memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan ekonomi negara kita. Di dalam tahun 1976 sahaja pendapatan eksport dari timah ialah sebanyak \$1,526.3 juta berbanding dengan \$1,206.1 juta bagi tahun 1975. Dalam pada itu, hasil negara daripada kutipan cukai eksport dan cukai tokok eksport pula menghasilkan sebanyak \$292.1 juta bagi tahun 1976 berbanding dengan \$185.3 juta dalam tahun 1975.

Dalam beberapa tahun ini terutama sekali mulai tahun 1976 harga timah di pasaran dunia mulai melambung naik dan dengan itu telah berlaku aktiviti-aktiviti penyeludupan bijih timah keluar negeri untuk mengelakkan daripada bayaran cukai kepada Kerajaan. Dengan adanya penyeludupan seperti itu, Malaysia sebagai ahli dalam Perjanjian Timah Antarabangsa Kelima tidak dapat

melaksanakan tanggungjawab di bawah Perjanjian itu dengan sepenuhnya untuk memberi perangkaan-perangkaan eksport, pengeluaran, setok timah dan lain-lain seperti yang dikehendaki di bawah Perjanjian itu. Ini adalah bertentangan dengan objektif utama Perjanjian itu untuk mengujudkan penstabilan harga timah seluruh dunia.

Seperti Dewan sedia maklum bahawa penyeludupan bijih timah adalah berpunca dari harga pasaran yang baik dalam beberapa tahun ini. Harga yang baik bagi timah di pasaran dunia telah memberi insentif kepada penyeludup-penyeludup untuk mengelakkan bayaran cukai eksport dan cukai tokok eksport kepada Kerajaan. Adalah dianggarkan bahawa 5,000 ton bijih timah bernilai sebanyak \$110 hingga \$120 juta diseludup keluar negeri pada tiap-tiap tahun. Berasaskan kepada anggaran ini negara kita adalah ditaksirkan kehilangan hasil negara sebanyak \$30 hingga \$40 juta dalam pungutan cukai dan cukai tokok eksport. Mengikut Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Malaysia dalam tahun 1975 Jabatan itu telah berjaya merampas bijih timah yang hendak diseludup bernilai hampir \$700,000 atau 720 pikul dan angka ini telah meningkat dalam tahun 1976 kepada \$1.6 juta atau 1,407 pikul.

Dari angka-angka itu nyatalah bahawa kita terpaksa mengambil tindakan yang keras untuk membenteraskan kegiatan-kegiatan penyeludupan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Ordinan Kawalan Timah, 1954 itu adalah dengan tujuan untuk memberi kuasa yang lebih luas kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas timah supaya dapat mengawal, mencegah dan menghapuskan kegiatan-kegiatan penyeludupan bijih timah seperti yang berlaku sekarang ini. Pada ringkasnya pindaan-pindaan yang dicadangkan itu ialah untuk memberi cengkaman penguatkuasa yang lebih ketat dengan memberi kuasa merampas ke atas bijih timah dan barang-barang yang digunakan bagi penyeludupan itu. Pindaan ini juga akan memberi kuasa untuk mengenakan hukuman yang lebih berat. Di bawah Ordinan Kawalan Timah, 1954 denda yang akan dikenakan adalah tidak melebihi \$5,000 dan di bawah pindaan yang dicadangkan ini pihak Mahkamah boleh menjatuhkan hukuman denda sebanyak \$50,000 ataupun 10 kali nilai timah ataupun bijih timah yang hendak diseludupkan dan hukuman penjara

tidak lebih daripada dua tahun. Selain daripada denda dan hukuman penjara itu, pihak Mahkamah juga boleh merampas bijih timah dan barang-barang yang digunakan bagi penyeludupan itu. Dengan adanya hukuman yang berat ini maka Kerajaan berharap akan dapat mencegah dan membenteraskan aktiviti-aktiviti penyeludupan ini.

Satu lagi peruntukan baru yang dimasukkan ke dalam pindaan yang dicadangkan ini telah memberi kuasa kepada Ketua Merinyu Galian supaya boleh memberi hadiah-hadiah kepada sesiapa yang memberi maklumat berhubung dengan penyeludupan atau membuat apa-apa kesalahan di bawah Ordinan tersebut. Kuasa ini adalah dianggap sangat perlu untuk memberi insentif kepada orang ramai supaya tampil ke hadapan untuk memberi makluman dan ini adalah sejajar dengan peruntukan yang terdapat di bawah undang-undang Jabatan Kastam dan Polis.

Tuan Yang di-Pertua, apakala Rang Undang-undang yang dicadangkan ini diluluskan oleh Parlimen, Menteri yang berkuasa atas timah dapat mengadakan peraturan-peraturan mengikut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya. Peraturan-peraturan ini akan memberi kuasa kepada pegawai Kastam, Polis dan Galian untuk bertindak bagi mengawal dan mencegah penyeludupan bijih timah itu. Dalam hal ini pihak Kementerian saya telahpun menyediakan peraturan-peraturan yang berkenaan yang akan dikuatkuasa serentak setelah sahaja Rang Undang-undang Akta Kawalan (Pindaan) Timah, 1977 ini diluluskan. Di bawah peraturan yang akan dikuatkuasa kelak, pegawai-pegawai dari Jabatan Polis, Kastam dan Galian dapat bertindak dan mengadakan kordinasi yang rapi antara ajensi-ajensi yang berkenaan itu dengan tujuan untuk mencegah dan menghapuskan kegiatan-kegiatan penyeludupan ini.

Memandangkan bahawa aktiviti-aktiviti penyeludupan timah yang berlaku sekarang ini maka perlu dibenteraskan dengan tujuan untuk menjaga hasil negara dan juga untuk membolehkan negara kita melaksanakan tanggungjawabnya dalam Perjanjian Timah Antarabangsa Kelima itu maka perlulah Ordinan Kawalan Timah, 1954 ini dipinda seperti yang dicadangkan itu. Dengan adanya pindaan-pindaan itu kawalan yang lebih rapi oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Polis, Jabatan Kastam dan Jabatan Galian dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

Juga dengan hukuman yang lebih berat ke atas aktiviti-aktiviti penyeludupan itu dan juga dengan sistem pemberian hadiah-hadiah seperti yang dicadangkan itu, Kerajaan berharap akan dapat mengawal, mencegah dan menghapuskan kegiatan-kegiatan penyeludupan ini dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.11 ptg.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan memberi tahniah atas kebijaksanaan Kementerian ini mengadakan undang-undang ini bagi mencegah penyeludupan seperti yang diterakan. Saya katakan bijak, pada mulanya saya hendak bertanya mengapakah tidak dibuat mengikut Akta ataupun undang-undang Mineral Ores Enactment Bab 148 tetapi apabila dirisik maka adalah undang-undang itu berkuatkuasa di negeri-negeri. Bahkan undang-undang Tin Control Ordinance ini menyeluruh di seluruh negara.

Tentang tujuan untuk menepati perjanjian di dalam Perjanjian Timah Antarabangsa, maka saya tidak ada komen atasnya melainkan mengucapkan tahniah juga di atas tindak tanduk yang patut kita ambil sebagai sebuah negara pengeluaran bijih timah yang terbesar di dunia ini.

Di dalam mencegah keluaran ataupun mencegah penyeludupan ini pula, tiga perkara yang penting yang saya dapati di sini iaitu pertamanya, merampas bijih-bijih serta juga pengangkutan-pengangkutan dan barang-barang bersama dengan pengangkutannya itu, maka pada pendapat saya ini adalah satu langkah yang sangat baik, dan ini adalah satu denda yang sangat ditakuti oleh penyeludup-penyeludup itu.

Tentang mengadakan denda sehingga \$50,000 ini, pada pendapat saya \$50,000 kepada siapakah yang akan dikenakan. Biasa diketahui apabila dapat ditangkap benda-benda yang diseludup, taukeh-taukeh ataupun kepala-kepala yang menyeludup itu tidak dapat ditangkap, melainkan orang-orang yang miskin yang mengambil risiko membawa benda-benda yang selalunya tertangkap. Dan juga jikalau dibezakan \$50,000 atau 10 kali

ganda, jikalau \$5,000 iaitu \$50,000 bermakna kalau mengikut nilai yang saya agak pada Kerajaan sekiranya harga bijih \$1,600 sepikul maka 75% timah padatnya \$1,200 bermakna empat pikul sahaja. Jika sekiranya seseorang itu tertangkap membawa empat pikul, $\$5,000 \times 10 = \$50,000$. Maka ini rasa saya kesannya adalah untuk menunjukkan kepada khalayak ramai iaitu kita tidak ragu-ragu mengadakan satu denda yang sangat tinggi tetapi jika dibaca kesannya serupa juga 10 kali ganda. Ini lebih lagi berkesan daripada \$50,000 yang ditulis di sini. Perkara yang sangat penting pada pendapat saya ialah berkenaan dengan hadiah-hadiah (reward).

Jikalau melihat angka-angka yang diberi oleh Timbalan Menteri yang berkenaan di dalam mengemukakan Rang Undang-undang ini, katanya, jikalau tidak silap saya, tahun 1976—1,400 pikul yang dapat ditangkap, lebihkurang 90 tan. Tetapi anggaran yang telah diseludup katanya 5,000 tan. Kemana-kah pergi yang 4,900 tan itu? Ini rasa saya kesannya tidak begitu kuat.

Berkenaan dengan penyeludupan bijih timah ini, kita sedia maklum bahawa pada masa ini keluaran bijih timah adalah merosot. Merosot kerana apa? Kerana kekurangan tanah ataupun tanah yang nilainya telah berkurangan begitu juga cukai-cukai yang dikenakan sangat ketat dan sangat besar. Pada pendapat saya penyeludupan ini bukanlah disebabkan harganya naik seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi adalah disebabkan oleh cukai berlebihan iaitu melarikan daripada cukai, bukan disebabkan harganya naik.

Saya tidak hendak memanjangkan perkataan ataupun perkara-perkara cukai terhadap pelombong-pelombong bijih timah oleh kerana saya ketahui pada 11hb dan 12hb Ogos, 1977 ada satu Seminar Galian yang akan diadakan yang dianjurkan oleh Kementerian dan juga saya dapati ada kertas-kertas kerja menceritakan bagaimanakah teruknya pengeluaran bijih timah di negara kita yang pada masa ini dan di sini nanti dapatlah butir-butir yang lebih lanjut, barangkali tidak payah diteliti di sini.

Melihat kepada kekurangan keluaran iaitu satu daripadanya kekurangan tanah yang bernilai disebabkan cukai bijih yang tinggi maka ini ada pula satu lagi kekurangan keluaran kita, iaitu penyeludupan. Maka rasa saya

elok undang-undang ini diteruskan sungguhpun pada pendapat saya barangkali ada terlewat sedikit, tetapi biarlah lambat asalkan selamat. Dengan itu, saya menyokong Rang undang-undang ini.

6.18 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Dalam memberikan sokongan terhadap pindaan Akta Kawalan Timah, 1954 ini, gemar saya huraikan lebih luas dan mendalam kerana sejak akhir-akhir ini berlakunya penyeludupan bijih timah melalui tambak negeri Johor.

Jadi saya memahamkan bahawa saya dapat memberikan pandangan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dengan lebih luas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menurut hemat saya, di antara punca berlakunya penyeludupan ini ialah dengan sebab kelemahan Rang Undang-undang yang ada sekarang. Yang keduanya kerana Rang Undang-undang Galian tidak disatukan dan diselaraskan di seluruh negara di Malaysia ini, maka berlakulah Rang Undang-undang yang ada sekarang. Atas kelemahan dan kekurangan itu, kesempatan ini diambil oleh ahli-ahli perniagaan bijih timah. Mereka boleh melarikan bijih timah di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri sepertimana yang kita ketahui telah banyak dicurahkan di kawasan negeri Johor. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah dapat memungut cukai hasil bijih timah sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Tetapi kiranya Rang Undang-undang Galian dapat disatukan di seluruh negara, saya percaya kutipan itu akan bertambah beberapa kali ganda lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi harga bijih timah antarabangsa melambung tinggi dan pesanannya sangat baik maka penyeludupan bijih timah menjadi operasi berterusan diusahakan oleh syndicate perniagaan haram yang besar di kawasan Semenanjung ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali kita patut mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Kastam dan juga Polis yang telah dapat menangkap penyeludup-penyeludup selama ini dan mereka ini kita kira

orang yang jujur terhadap negara tidak mahu mementingkan faedah dirinya, kalau tidak dengan usaha yang begini gigih dibuat oleh Jabatan-jabatan ini, saya fikir Kerajaan belum lagi membawa Rang Undang-undang pindaan ini.

Yang kedua, Kerajaan juga mustahak dan inilah yang saya hendak terangkan latar belakang penyeludupan-penyeludupan itu supaya dapat bertindak dengan berkesan, kalau tidak Rang Undang-undang pindaan ini dipermainkan oleh ahli-ahli penyeludupan itu. Tuan Yang di-Pertua, mereka yang terlibat dalam penyeludupan ini termasuk belia-belia lepasan sekolah, kakitangan Kerajaan. Mereka menggunakan lori, motokar dan motosikal. Syndicate ini menarik lebih ramai lagi ahlinya dari satu masa ke satu masa dengan menyatakan seperti kata raja syndicate ini bahawa perbuatan ini tidak memberi mudarat kepada umum, cuma mengelakkan cukai. Ini adalah satu kepintaran dari segi perniagaan.

Yang ketiga, bijih timah yang diseludupkan ini melalui tanah besar Johor kerana berdekatan dengan Singapura dan pelabuhan terbesar di rantau ini yang akan disalurkan keluar negeri. Kita mengharapkan dengan jasa baik Kerajaan Singapura juga wajar memberikan kerjasama sebagai keluarga ASEAN berusaha menghapuskan, memben-teraskan, mencegah penyeludup-penyeludup yang melibatkan hasil negara Malaysia khasnya tetapi ada kaitan dengan keabajikan ASEAN.

Yang keempat, syndicate ini dikatakan membayar elaunnya yang besar kepada penyeludup-penyeludup kegiatan ini, meng-ambil persaingan hebat antara satu golongan penyeludup dengan penyeludup yang lain sehingga setengah-setengah syndicate ini sanggup membayar denda ke mahkamah dan membantu menyarakan sementara ahli-ahli mereka dalam penjara dan diberi jaminan satu jawatan dalam swasta kiranya kaki-tangan itu terlibat dengan terlucutnya jawatan kalau kiranya kakitangan Kerajaan. Maka dengan sebab itu, kita telah dengar terlibat salah seorang anggota polis kita yang terjadi di Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat hingga setakat ini Jabatan Kastam, Polis juga Kementerian ini sebagaimana kata Yang Berhormat sahabat saya tadi hanya dapat menangkap kaki-kakinya sahaja tetapi hingga hari ini pihak Kerajaan belum lagi dapat

menangkap raja syndicate bijih timah. Usaha ini perlu ditingkatkan menangkap syndicate ini menghancurkan komplotnya, kalau tidak selama itu penyeludupan ini akan berterusan dan kumpulan syndicate ini adalah bertaraf syndicate antarabangsa dan sama juga per-niagaannya dengan syndicate dadah yang pertama diusahakannya yang kedua diusaha-kannya syndicate bijih timah.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga merasa lega dengan adanya Rang Undang-undang pindaan ini dapat memberikan kuatkuasa yang lebih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan juga kita merasa lega kerana Rang Undang-undang ini juga ada kaitannya melalui kerjasama ASEAN—iaitu Jepun sedia membiayai operasi stockpile bijih timah. Saya harap dengan adanya kerjasama daripada Jepun ini akan melemah-kan penyeludupan ini atas sebaliknya akan lebih menggiatkan lagi usaha Syndicate penyeludupan ini. Ini patut benar pihak Kementerian ini mengawasinya dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 3 pula Yang Berhormat Menteri membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan. Saya gemar menambah atas apa Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan tadi, sebab hukuman yang dikatakan itu tidak begitu kuat mungkin juga tidak begitu berkesan kepada ahli-ahli syndicate ini sebagaimana hukumannya \$50,000 tetapi menurut pandangan saya peraturan yang harus difikirkan oleh Kementerian ini kiranya penyeludupan ini atau ahli-ahli syndicate ini dapat kenya-taan yang diusahakan oleh sebuah syarikat yang berdaftar dalam negeri ini maka syarikat itu juga hendaklah dibawa ke mahkamah dan didakwa.

Yang kedua, kenderaan samada lori, moto-kar, motosikal yang terlibat dalam penyu-ludupan bijih timah ini hendaklah dirampas.

Yang ketiga, syndicate ini juga hendaklah dikenakan satu hukuman yang lebih tinggi daripada yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya ber-simpati dengan pandangan Yang Berhormat rakan sejawat saya supaya hukuman yang lebih berat patut dikenakan kepada mereka. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya dapat kita ketahui bahawa syndicate ini telah mem-punyai kemewahan hidup melalui kegiatan perniagaan haram ini, mereka mendapat harta

seperti rumah yang disahkan berpunca daripada perniagaan haram ini maka harta-harta mereka itu juga patut kita rampas jadikan hakmilik negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 4, mengadakan hadiah dan memberikan kuasa kepada Ketua Merinyu Galian untuk memberikan hadiah tersebut. Saya mengharapkan hadiah-hadiah yang hendak diberikan, yang hendak dinilai oleh Ketua Merinyu Galian ini hendaklah lebih tinggi tawarannya dengan apa yang diberi oleh syndicate itu kepada kakitangan-kakitangannya. Kalau kita memberi hadiah yang begitu rendah, kita kluatir kejayaan ini tidak akan berhasil. Kita jangan sayang sangat pada memberikan hadiah yang lebih tinggi demi hendak menjayakan kuatkuasa Rang Undang-undang ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya harapkan supaya Ketua Merinyu Galian dalam tiap-tiap negeri dalam keadaan bukan sahaja hendak mengeluarkan hadiah tawaran kepada

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat bolehlah menyambung ucapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari esok, 11hb Ogos, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.